# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 23 | RABU 9HB JUN, 1982. | 1402 شعبان 16 رابو | PERCHUMA


## Kebawah D.Y.M.M. akan berangkat korniakan hadiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berchemarduli bagi menyempurnakan penyampaian hadiah2 kapada pemenang2 peraduan membacha Al-Kor'an perengkat sa-negeri pada malam Isnin 14hb Jun ini.

Pertandingan pada tahun ini akan di-langsongkan di-Dewan Raya Radio dan Talivishen Brunei sa-lama dua malam berturut-turut ia-itu dari 13hb dan 14hb Jun di-sini mulai jam 8.30 malam. Pertandingan tersebut akan di-siarkan sachara langsong melalui Radio dan Talivishen.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Omar akan membuka rasmi peraduan tersebut pada malam pertama.

Sa-ramai sembilan orang peserta, empat orang qari dan lima orang qariah akan bertanding dalam peraduan itu. Qari2 tersebut ia-lah Awang Haji Damit bin Haji Kawang, Awang Wasli bin Hj. Abu. Bakar, Awang Mustafa bin Haji Murad dan Awang Mohd. Daud bin Abd. Kadir.

Sementara qariah2 pula terdiri dari Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris (Johan menunggu), Dk Salbiah bte Pengiran Mat Salleh, Dk Saadiah bte Pengiran Haji Tuah, Dayang Arbi bte Libut dan Dayang Jamilah bte Haji Abd Manaf.

Pertandingan pada tahun ini berthemakan "NEGARA BAHAGIA DI-BAWAH INAYAH (PEMELIHARAAN) ALLAH".

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin selaku Pengerusi Peraduan akan memberikan uchapan pada malam itu.

Lihat muka 20





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-iringi oleh Pemerentah AMDB sa-jurus keberangkatan Baginda ka-majlis tersebut (gambar kiri.). Turut berangkat ka-majlis itu ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan (gambar kanan).

## D.Y.M.M. di-majlis AMDB

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, telah berangkat berchemar Duli ka-Majlis Makan Malam sempena memperingati Hari Ulang Tahun ke-21 penubohan Askar Melayu Diraja Brunei bertempat di-mess pegawai Perkhemahan Tutong pada hari Isnin 31hb Mei lepas.

Turut berangkat sama ka-majlis itu termasok-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta Kerabat2 Diraja yang lain.

Turut hadhir ia-lah YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Haji Isa, Penasehat Umom Kebawah DYMM, Pemerentah Pasokan AMDB, Brigadier Duncan Cameron dan Pegawai Pemerentah Battalion Kedua, YDM Pehin Datu Harimau Padang Lt Kolonel DSLJ Haji Awang Husin serta pegawai2 kanan pasokan tersebut.

Menurut siaran AMDB, majlis "Tari-Menari" pada malam itu juga telah di-serikan dengan persembahan pancharagam undangan dari Singapura "The Express". — Berita dan gambar2 ehsan dari AMDB.

## PPNB di-seru agar dampingi m'rakat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Pengakap Negeri Brunei (PPNB) di-seru supaya bekerjasama dan berganding bahu dengan Kerajaan DYMM dalam usaha2 berkebajikan terutama dalam mengujudkan golongan belia2 yang berdisiplin, saling hormat-menghormati serta taat setia kapada Sultan, negara dan Kerajaan Baginda dengan mempertahankan identiti dan nilai2 keBruneian.

Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa berkata, Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan ada-lah memberikan perhatian serta menghulorkan bantuan dan sokongan kapada pergerakan2 pertubohan sukarela beruniform termasok persatuan pengakap.



YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Haji Isa, Penasehat Umom Kebawah DYMM ketika beruchap di-majlis tersebut.

"Saya yakin tidak-lah di-luar kemampuan persekutuan ini dan tidak juga terjejas dari tujuan2 asasnya sekira-nya PPNB dapat mendampingkan dirinya sa-chara lebeh rapat lagi dengan masharakat khas-nya pada memimpin jenerasi muda untok menjadi warganegara yang berguna untok masa ini dan masa2 akan datang," ujar Yang Teramat Berhormat.

Yang Teramat Berhormat membuat seruan demikian ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Mashuarat Agong persekutuan itu bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak di-sini pada hari Ahad 6hb. Jun lepas.

Sa-chara keseluruhannya, tegas Yang Teramat Berhormat, pergerakan tersebut mempunyai tiga perkara yang sangat menarek perhatian. Pertama ia-lah bertujuan untok mem-

Lihat muka 20

# KERAJAAN FILIPINA SEDIA BERIKAN KERJASAMA — Pmk. SUK.



YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman pulang dari Filipina pada 5hb Jun lepas.

BERAKAS.—Kerajaan Filipina telah memberi jaminan yang mereka akan bersedia dalam memberikan bantuan2 yang di-perlukan oleh Brunei.

Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib berkata, jaminan tersebut telah di-suarakan oleh peberapa orang Pegawai Tinggi Kerajaan Filipina, yang antara-nya termasok Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama General Carlos Romulo.

Menyatakan demikian ketika di-temuramah oleh pehak pemberita sa-jurus ketibaan Yang Berhormat itu dari lawatan sa-lama empat hari ka-Manila Sabtu lalu, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan itu mensifatkan lawatan-nya ka-negeri itu sa-bagai menepati maksud tujuan lawatan itu dilakukan.

### TUJUAN LAWATAN

Tujuan sa-benar lawatan itu di-lakukan, jelas Yang Berhormat, ada-lah untok menemui pegawai2 di-beberapa Kementerian Kerajaan Filipina bagi menerangkan kedudokan Brunei dan keinginan-nya mendapatkan beberapa orang pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman dari negara tersebut, sa-lain dari menyaksikan sendiri kemudahan2, umpama-nya, kemudahan latehan di-dalam berbagai bidang, yang mana Filipina telah maju ka-hadapan.

Lihat muka 20

## Manis-nya Iman

DI-RIWAYATKAN oleh Al-Bukhari daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Ada pun saya di-utus menjadi rasul ada-lah sa-bagai pembawa rahmat dan tidak-lah sa-bagai pembawa 'azab." — HADITH Nabi.

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

9HB. JUN, 1982

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SATU LAGI LANGKAH PENERANGAN

Baru2 ini, Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan melaksanakan satu lagi langkah dalam melaksanakan tugas-nya. Antara tugas2 yang di-amanahkan kapada-nya, maka salah satu-nya ia-lah mengerat dan menegohkan hubongan antara Kerajaan dan raayat. Untok ini, apa yang nampak ia-lah pengutamaan langkah dalam bidang2 komunikasi dan kontek sa-chara langsong dengan raayat dan pendudok dalam semua perengkat. Objektif-nya ia-lah sa-chara umom mendedahkan projek2 dan langkah2 Kerajaan serta dasar2 yang berkaitan yang dengan sekali-gus pula memerlukan kerjasama orang ramai atau raayat itu. Hasrat-nya ada-lah menjadikan orang ramai atau raayat itu mengetahui dengan betul bagi perkara2 yang patut di-ketahui oleh mereka. Dengan demikian, mereka tidak akan teraba-raba akan keadaan diri sendiri itu, sa-balek-nya akan tetap berbangga terhadap-nya. Maka selok-belok dalam Kerajaan patut di-ketahui oleh mereka menurut keperluan2-nya, dan ini-lah motif yang nampak-nya sedang menjadi fokas Bahagian Penerangan melalui projek2 yang sedang di-selenggarakan-nya dengan giat lagi gigih.

Perkara yang di-ketengahkan ia-lah pemahaman yang betul terhadap tanggong-jawab kerajaan dalam memimpin negeri dan raayat ka-arah matalamat yang menjamin kepentingan dan kesejahteraan dan sikap yang di-perlukan untok menchapai matalamat itu dengan sa-baik2-nya di-pehak yang di-pimpin.

Ini-lah yang di-ketengahkan dalam projek baru-nya — Perjumpaan Berkala — ia-itu satu majlis menemui raayat sa-chara langsong di-seluroh tanah ayer, dan telah di-mulakan Jumaat lepas di-Kampong Bebuloh, Ulu Brunei.

Di-sedari bahawa perjumpaan2 saperti ini ada-lah di-tunggu2 oleh kebanyakan diri kita sa-bagai satu jalan bagi mendapatkan maalumat2 yang betul dan juga sa-bagai satu peluang untok menghadapkan buah2 fikiran yang membena dalam kesedaran sama2 membangun negara dan raayat. Semoga-lah peluang2 itu dapat di-munafaatkan menurut yang di-hajatkan.



Awang Selamat bin Munap

*Apakah kita mempunyai asas dan potensi untok menghadapi chabaran*

# DALAM MENEMPOH PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOJI

**BERIKUT ia-lah uchapan Awang Selamat bin Munap, Pemangku Pengarah Pelajaran Brunei sa-masa merasmikan pertandingan Hadrah Sekolah dan Maktab2 Seluroh Negeri pada 29hb. Mei, 1982 bertempat di-Dewan Maktab SOAS.**

Negeri Brunei Darussalam yang kita semua sayangi ini sa-lain daripada merupakan sa-buah negara yang makmor juga merupakan satu masharakat yang aman dan damai. Di-dalam suasana yang sa-demikian, walaupun perhubongan2 kita dengan dunia luar semakin bertambah sejak beberapa tahun yang lalu, ada-lah senang bagi kita melupakan chabaran2 yang tertentu — chabaran2 yang penoh dengan peluang2 dan masa'alah2 bagi kita — yang tentu sekali akan mempengarohi nasib masa depan kita.

Saperti mana yang banyak antara kita yang mengetahui, tetapi mungkin hanya sedikit sahaja kita yang sentiasa menyedari-nya, perkembangan di-dalam sains dan teknoloji ada-lah sa-makin pesat di-pusat2 perkembangan teknoloji saperti di-Eropah, Amerika Sharikat dan Jepun di-bidang2 yang tertentu terutama sekali di-dalam bidang perusahaan dan pengeluaran. Sama ada kita sedari atau tidak kita di-Brunei ini juga menekmati hasil2 daripada perkembangan2 sains dan teknoloji itu. Mithal-nya jika beberapa tahun dahulu video machine (jentera video) merupakan satu perkakas yang terlalu mahal, di-samping itu berat dan besar pula saiz-nya, sekarang video machine ada-lah berharga sederhana dan mudah di-pindah2 — sa-hingga di-kampong2 pun jentera video di-mileki oleh orang2 yang berpendapatan sederhana. Begitu juga, mithal-nya, akan keadaan jentera pengira eletronik (electronic calculator machine). Jika dahulu-nya ia-nya bersaiz besar dan berharga ratusan ringgit pula, sekarang jentera pengira boleh di-simpan di-dalam saku baju kita dan di-samping itu anak2 sekolah pun pula berupaya untok membeli-nya. Dan sekarang dengan perkembangan2 di-dalam teknoloji "micro-chips", computer pula tidak lama lagi boleh di-mileki oleh kebanyakan keluarga di-negeri jiran kita.

### MENGHADAPI CHABARAN

Soal yang di-bangkitkan di-sini bukan-lah sama ada kita di-Brunei boleh menghasilkan mesin2 VTR, jentera pengira, computer dan lain2-nya. Jika boleh, lebeh baik lagi. Tetapi lebeh penting lagi ia-lah: apa-kah kita sekarang mempunyai asas atau potensi yang minima untok membolehkan kita menghadapi chabaran sains dan teknoloji supaya pada masa yang akan datang kita juga berupaya untok menggunakan teknologi yang di-perkembangkan dan di-majukan di-pusat2 teknoloji itu untok faedah yang maksima bagi kita sendiri di-dalam bidang2 yang tertentu di-dalam konteks perlu-nya kemajuan yang lebeh "technology intensive"? Saya sendiri tiada jawapan yang tegas berhubong dengan soal yang penting ini.

Tetapi kalau kita menoleh ka-kiri dan ka-kanan dan senantiasa membuka mata dan telinga kita, kita akan menyedari bahawa asas atau pontensi itu ada-lah pada had ini agak terhad. Mithal-nya di-dalam bidang2 pengeluaran yang penting kapada kemakmoran negeri kita beberapa orang-kah ra'ayat jati Brunei yang kini menjawat jawatan2 yang tinggi di-bidang2 teknikal di-dalam perusahaan2 minyak dan gas. Saya kira bilangan mereka boleh di-hitong dengan jari. Jika mithalan itu terlalu jauh lihat-lah pula berapa ramai ra'ayat jati kita yang berkechimpong di-dalam bidang perkhidmatan2 perunding saperti kejuruteraan, bidang ukor bahan (quantity surverying) dan lain2-nya. Di-dalam bidang2 itu juga bilangan mereka boleh di-hitong dengan jari. Mithalan2 itu boleh di-perbanyakkan lagi.

### MENGABUI MATA

Saya tidak menafikan bahawa Ngeri Brunei juga bagi beberapa tahun kebelakangan ini telah pun mengeluarkan siswazah2 dalam bidang teknikal saperti jurutera2 dan lain2-nya. Dan dari segi per kapita pula mungkin Brunei juga tidak ketinggalan di-dalam bidang pengeluaran pegawai2 yang berkelayakan di-dalam bidang2 tertentu, khusus-nya di-dalam bidang sains dan teknoloji. Tetapi "the numbers game" saperti itu ada-lah permainan yang tidak berguna, dan boleh pula mengabui mata kita sendiri. Soal sains dan teknoloji bukan-lah satu permainan — ia-nya ada-lah faktor2 yang kritikal yang akan menentukan nasib hadapan negara dan bangsa kita.

Berasaskan kapada pendapat sa-orang pakar yang melawat Brunei baru2 ini saya juga berpendapat bahawa jurang teknoloji (technological gap) di-antara negeri ini dan sa-bahagian daripada negara2 jiran nampak-nya ada-lah semakin bertambah. Jika pendapat ini mempunyai asas yang tegoh — dan saya perchaya dari mithalan2 yang saya nyatakan tadi asas-nya agak tegoh — maka masa-nya sudah tiba bagi kita semua mengorak langkah2 yang sesuai pada menghadapi chabaran ini — yakni pada menchuba mengurangkan jurang teknoloji (technological gap) di-antara kita dan negara2 di-sekeliling kita. Khusus-nya yang berada di-bangku sekolah sekarang hendak-lah, dengan seboleh2-nya, memileh mata-pelajaran2 yang perlu bagi membolehkan mereka mengikuti kursus2 di-peringkat universiti dan politeknik yang berchorak dan berkait rapat dengan sains dan teknoloji saperti mata-pelajaran2 sains dan ilmu hisab.

### MEMILEH JALAN

Sa-berapa jauh yang boleh jangan-lah hendak-nya murid2 sekalian memileh jalan yang lebeh mudah, khusus-nya lebeh memusatkan pilehan dan tenaga mereka kapada mata-pelajaran2 yang berchorak sastera, untok mempastikan kejayaan masa depan mereka. Pada pendapat saya jika semua atau kebanyakan daripada murid2 menumpukan pilehan mereka kapada mata-pelajaran2 sastera sebagai jalan yang mudah untok menchapai kejayaan masa depan mereka maka kejayaan itu akan merupakan kejayaan yang "illusory" atau mengabui mata dari segi kepentingan negara. Tidak berguna kita memekik di-sana sini yang kita chintakan negara sedangkan perbuatan kita bertentangan dengan kebolehan kita dan keperluan2-nya.

Jika sains dan teknoloji merupakan satu daripada chabaran2 yang tidak dapat tiada mesti kita semua hadapi, dan di-hadapi dengan penoh keberanian menurut kebolehan masing2, maka perkembangan kebudayaan Melayu hendak-lah juga senantiasa di-asoh dan di-pupok sebagai asas atau teras kemajuan sosio-ekonomi negara dalam konteks kemajuan antara bangsa yang semakin "technology intensive". Hadhrah merupakan satu daripada chiri2 kebudayaan Melayu Brunei yang kita warisi turun temurun. Di-dalam konteks itu-lah letak-nya nilai dan harga pertandingan hadhrah ini dan bagi semua yang terlibat pada meranchang dan mengendalikan-nya sa-tinggi2 penghargaan dari saya.

## PEMBETULAN

Paragraph 7 dari uchapan Pengarah Penerangan dalam tajok kepentingan berugama: 'sentiasa mendapat tempat dalam masharakat kita' keluaran 2hb. Jun 82' muka depan, hendak-lah di-bacha saperti berikut "Tidak di-ragukan lagi bahawa ugama ia-lah perkara utama yang kita sama2 mempunyai kepentingan terhadap-nya, sama ada ia anutan kita mahu pun kerana ia menchorakkan hidup kita. Sa-bagai anutan, ia kita anggap suchi dan mulia. Sa-bagai yang menchorakkan hidup kita ia sudah barang tentu suatu yang istimewa bagi kita," ujar-nya.

# DARI BALAI KERJA MUZIUM

## Sudut mengenai pemuleharaan kertas

Oleh: Awang Lai Huat
Penyelia Perpustakaan dan Arkib.

Bahagian Perkhidmatan Pemuleharaan Kertas ini telah di-tubohkan dalam tahun 1979. Bahagian ini bertanggong-jawab ka-atas Pemuleharaan dan Pembaikan segala dokumen dan buku di-dalam simpanan Arkib Negeri Brunei dan Perpustakaan Rujukan Muzium Brunei untok simpanan kekal.

Perkhidmatan Pemuleharaan Kertas ini menjalankan kerja-kerja menjilid dan juga menjilid semula segala dokumen yang di-terima. Di-dalam kaedah menjilid ini keutamaan di-beri kapada faktor2 keteguhan dan ketahanan.

### Menjilid Buku

Dalam kerja menjilid buku berbagai chara jilid di-praktikkan, untok buku-buku yang berkuras (section) biasa-nya di-jahit chara "tape sewing". Dalam menjalankan kerja ini, pertama, muka surat buku tersebut di-semak susunan-nya dan di-sediakan "endpaper" yang mempunyai dua "flyleaf". Bahagian ini di-jahit bersama turas buku dengan menggunakan "sewing frame".

Sa-lepas di-jahit buku tersebut di-proses untok menghilangkan bengkak (swelling) dan glue di-sapu di-bahagian spine yang telah di-jahit. Apabila glue kering buku tersebut di-hantar untuk di-potong tepi-nya (trimming). Sa-masa memotong penyemakan di-buat ka-atas muka surat supaya mana2 tulisan di-dalam-nya tidak akan terpotong. Sa-telah di-potong di-sediakan "headband" dan "lining" dan di-lekatkan di-bahagian spine.

Dalam menyediakan kulit, buku yang tebal biasa-nya di-buat sa-chara "split board binding". Bahan yang di-perlukan ia-lah dua keping board yang di-tampal dengan kedudukan 16 oz board di-bahagian bawah dan 32 oz board di-bahagian atas. Di-antara dua board ini di-lekatkan "lining" dan "sewing tape" yang tersedia ada pada spine dan buku tersebut di-press. Bahan material (Fahrolean) atau pun (Avbelave Buckram) di-potong mengikut saiz buku dan di-tampal "Duplex Card' di-bahagian spine. Jika tajuk perlu di-tinta pada kulit maka bahan yang telah siap di-potong tadi terus di-lekatkan pada board kulit buku dan "endpaper" di-tampal di-bahagian dalam untok menyudahkan kerja menjilid buku tersebut.

Untok buku2 yang single sheet (loose) dan nipis chara jahit ada-lah sa-chara "side-sewing". Dalam chara jilid ini, dua chara jahitan boleh di-buat.

(1) "Saddle Stitching"
(2) "Flexible Stitching"

"Saddle Stitching" di-sesuaikan pada buku yang memerlukan jahitan yang mudah (simple) dan chepat manakala "flexible stitching" di-buat pada buku yang berkehendakkan jahitan yang lebih kemas dan kuat.

Dalam menjalankan kerja2 ini, pertama penyemakan di-buat penyusunan muka surat dan mana2 kesilapan di-perbetulkan. Lubang di-tebuk dengan "bodkin" dan buku di-jahit dengan benang "Linen thread satin" melalui lubang2 ini. Untok menyudahkan kerja menjilid, endpaper di-lekatkan dan bahan2 "material" di-tampal sa-bagai kulit dan buku di-potong mengikut garis tepi (margin) yang telah di-tetapkan.

Untok buku2 "single sheet" dan tebal pula, chara jahitan ada-lah chara overcasting. Pertama muka surat buku di-susun kemas dan di-sapu sedikit gam di-bahagian spine. Lubang pada buku di-tebuk dengan "bodkin" dan di-jahit dengan benang "Linen thread satin" yang di-selangi dengan "sewing tape" dan sa-telah jahitan selesai di-buat sa-kali lagi di-sapukan gam. Endpaper di-lekatkan dan di-jahit di-permulaan dan akhir muka surat dan buku tersebut di-potong mengikut "margin" yang telah di-tetapkan.

Perkhidmatan Pemuleharaan Kertas telah di-peruntokkan sa-banyak $10,000 bagi tahun2 1979, 1980 dan 1981, tetapi dukachita bagi tahun 1982 peruntokan ini di-tiadakan. Perkhidmatan Pemuleharaan Kertas maseh banyak kekurangan dalam hal alat perkakas dan kelengkapan tempat yang sempurna bagi kerja2 pembaikan dokumen. Oleh sebab ini-lah kerja2 saperti pengenyahan asid dan memulehkan dokumen dengan teknik2 tertentu belum boleh di-usahakan. Pembaikan Tradisi (Traditional Repair) untuk pembaikan dokumen dan kerja2 salut-mati (Lamination) ada-lah kerja2 yang perlu di-buat bagi masa jangka panjang. Ini tertaklok kapada kedudokan kewangan yang di-peruntokkan dan perolehan perkakas dan alat2 yang di-perlukan nanti.



**Untok buku2 yang berkuras (section) biasa-nya di-jahit chara "tape-sewing" dengan menggunakan "sewing frame" dan manakala gambar bawah menampakkan proses casemaking dan sa-terus-nya memproses kerja2 "casing-in" ia-itu buku tersebut di-masokkan ka-dalam "case-nya".**







**Membuat tinta emas/perak pada kulit buku. "Finishing process" ini sa-chara "hand-tooling" mesti-lah di-kerjakan dengan berhati-hati dan mengawas-nya selalu supaya tajok2 buku itu betul dan kemas.**

**Sa-lepas buku itu di-press dan "spine"-nya rata, baharu-lah di-sapukan "glue" di-bahagian spine buku.**

# MUSLIHAT UTK KEBAIKAN

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

SA-KIRA-NYA ada penuntut yang mengikuti suatu kursus kata-kan-lah kursus permakanan, takut diri-nya akan di-buang dari kursus atau dari pekerjaan-nya sementara pegawai yang memberi kursus itu pula berkuasa membuang penuntut yang enggan dari mematohi perentah saperti melibatkan diri dengan babi, arak dan bangkai itu. Dalam hal ini kalau pegawai2 tersebut memaksa, penuntut berkenaan, maka boleh-lah ia meneruskan kursus-nya itu, tetapi sa-kira-nya penuntut kursus itu berdegil dan enggan bergelomang dengan babi, bangkai, arak, dan tuak dalam pada itu ia bersedia pula berhenti dari mengikuti kursus itu, maka sikap yang sa-demikian itu lebeh baik lagi, kerana bumi Allah ini luas dan Allah Ta'ala akan menanggong rezeki hamba-Nya di-mana2 jua di-atas bumi-Nya. Firman Allah Ta'ala dalam Surah An-Nisa ayat 99 yang tafsir-nya: "Barangsiapa berhijrah di-jalan Allah Ta'ala dan kerana Allah dan ta'atkan Allah, neschaya akan di-dapati-nya di-atas bumi Allah ini banyak tempat yang boleh menjadi tempat berhijrah atau berkunjong ka-situ, dan akan di-dapati-nya rezeki Allah yang mewah dan luas."

## REZEKI ALLAH

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut ayat 60, yang tafsir-nya: "Berapa banyak binatang yang melata di-atas muka bumi tiada membawa rezeki bersama2-nya, akan tetapi Allah Ta'ala memberi rezeki kapada binatang2 melata itu dan Allah juga memberi kamu rezeki kalau kamu berhijrah tanpa membawa rezeki dan tiada mempunyai belanja, kerana Allah Ta'ala sangat mendengar perkataan kamu dan sangat mengetahui hal ehwal kamu."

Adą pun wali atau penguasa anak yatim, ada-lah wajib di-atas-nya memelihara, menjaga dan mengurus harta anak yatim itu dengan baik dan chermat. Apa jua yang di-

## Siri ke-135

lakukan terhadap harta anak yatim itu ada-lah samata2 bagi muslihat yang membawa laba dan keuntongan kapada anak yatim itu.

Makan harta anak yatim atau membinasakan harta anak yatim atau melaburkan harta anak yatim tanpa muslihat yang membawa kebaikan kapada mereka, apatah lagi membawa rugi dan kebinasaan maka hukum-nya ada-lah haram dan berdosa besar, sekali pun makan atau membinasakan harta anak yatim dengan kadar yang paling sedikit sa-bagaimana pendapat Al-Imam Ibni Hajar dalam kitab-nya Az-Zawajir.

Firman Allah Ta'ala lagi dalam Surah An-Nisa' ayat 10, yang tafsir-nya: bahawa mereka yang memakan harta2 anak2 yatim dengan chara zalim dan inyaya dan dengan chara tiada di-benarkan oleh shara', sesunggoh-nya mereka itu memakan dan mengisikan dalam perut mereka akan api neraka, dan perut mereka menjadi sarang api yang membakar diri mereka, dan mereka akan masok dalam api neraka yang bernyala2.

## WALI ANAK YATIM

Berkata At-Tabie' Al-Jalil Qatadah: "Ayat Al-Kor'an ini turun dalam perkara sa-orang laki2 daripada kabilah Ghatfan, telah menjadi wali dan penguasa pada harta anak laki2 bagi saudara-nya laki2, sa-masa budak itu menjadi yatim ia belum baligh (belum chukop umor), lalu wali itu memakan harta anak yatim itu."

Perkara wali anak yatim ini di-timbulkan di-sini ia-lah kerana ada kaitan-nya dengan kaedah yang telah di-tegaskan oleh Al-Imam Shafie saperti yang di-jelaskan sa-belum ini berbunyi:

"Ada-lah kedudokan raja itu nisbah kapada raayat jelata sa-bagai kedudokan wali (penguasa) anak yatim kapada anak yatim."

Jadi dapat-lah di-fahamkan bahawa orang2 yang bertanggong-jawab dalam mengadakan kursus untok anak2 Islam itu wajib-lah memikirkan muslihat yang mendatangkan munafaat dan kebaikan kapada anak2 Islam itu sendiri.

(bersambong)

WALLAHU A'ALAM

# *Sambutan Isra' Meraj di-Brunei*

**Oleh: Pg Haji Mohammad bin Pg Haji Abd Rahman**



PESAKIT ini sedang mendengar penerangan dari salah sa-orang pegawai yang bertugas.

Peristewa Isra' Me'raj ada-lah salah satu peristewa yang sangat bersejarah dalam Islam. Peristewa ini berlaku dan di-alami oleh pemimpin besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam. Ia mengandongi nilai2 pengajaran yang tinggi dalam membentok peribadi sa-orang Muslim yang sejati. Gambaran2 tentang keburokan dan kebaikan menjadi chontoh tauladan kapada umat Islam supaya perkara2 yang baik itu di-ikuti dan perkara yang burok itu di-jauhi. Banyak sudut yang dapat di-tinjau dan di-perkatakan, dan banyak masaalah yang memerlukan penghuraian untok menjadi bahan pemikiran. Sebab itu-lah barangkali ia tidak jemu2 di-kupas dan di-cheramahkan oleh para cherdek pandai Islam dan alim ulama di-seluroh dunia Islam.

Sambutan di-tanah ayer kita dapat di-katakan sangat meriah menggalakkan. Dari masjid2, surau2, dewan2 sa-hingga-lah ka-rumah2 orang perseorangan majlis mengenai-nya di-adakan. Sa-tidak2-nya ada-lah untok mengambil berkat dari peristewa yang besar erti-nya kapada umat Islam itu. Hal ini sudah tentu menghidupkan suasana keugamaan dan merupakan sa-bahagian dari beberapa chara bagi menghayati Islam itu dengan sa-baik2-nya.

Dalam sambutan saumpama ini sa-lain sumbangan ikhlas tenaga2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama pada menjayakan-nya di-banyak tempat, malah Jabatan ini melalui bahagian Da'wah dan Tabligh juga mempunyai ranchangannya yang tersendiri bagi menyerikan musim ini. Di-antara-nya, pertandingan Nashid telah di-adakan semenjak beberapa tahun yang lalu yang mana pemilehan-nya telah di-buat dari perengkat daerah membawa kapada saparoh akhir hingga-lah ka-perengkat akhir.

Salah satu tujuan mengapa pertandingan ini diadakan ia-lah bagi memerbarkan da'wah Islamiah melalui nashid ia-itu untok menarek belia2 dan beliawanis2 yang berkechenderongan ka-arah itu. Sebab itu-lah di-perengkat akhir umpama-nya pada tahun ini seni kata nashid itu dichipta begitu rupa oleh penulis2 tempatan yang berbakat saperti Yang Mulia Ustaz Haji Abdul Saman bin Kahar, Yang Mulia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Yang Mulia Ustaz Hj. Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Yang Mulia Ustaz Haji Mohd. Jali bin Abdul Latif dan Yang Mulia Ustaz Pg. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman, dengan harapan agar seni kata yang meniupkan semangat dan roh Islam itu tidak hanya di-nashidkan malah juga di-hayati akan maksud dan tujuannya.

Dari segi yang lain, sa-bagai salah satu bentok yang mewarnakan kebudayaan Islam maka dengan hidup-nya kegiatan nashid ini mungkin dapat menjadi satu chara mengurangkan minat kapada kebudayaan yang tidak menentu melanda masharakat kita.

Bersempena sambutan ini juga, peraduan penulisan kreatif ia-itu Cherpen dan Sajak di-anjorkan bagi menchungkil bakat2 baharu, peminat2 sastera dan mereka yang telah berkechimpong dalam dunia ini untok menyumbangkan karya2 mereka yang membawa nilai2 dan unsor2 keugamaan. Tanpa usaha saumpama ini, ada kemungkinan penulis2 hanya akan menjadikan nilai2 dan unsor2 keugamaan itu sabagai perkara sampingan dalam tulisan mereka. Jadi dengan chara ini mereka akan lebeh membuat penumpuan saperti yang di-maksudkan. Penyertaan bagi peraduan ini sabenar-nya sudah pun di-tutup beberapa minggu lalu dan sekarang maseh dalam proses penghakiman. Pemenang2-nya di-jangka akan menerima hadiah kemenangan mereka dalam majlis Sambutan Nuzul Al-Kor'an pada pertengahan bulan hadapan. Dan sa-belum itu mereka yang berjaya akan di-hubongi terlebeh dahulu.

Salah satu langkah yang bermunafaat tetapi tidak banyak di-ketahui ramai ia-lah lawatan da'wah ka-rumah2 sakit di-tiap2 daerah Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong. Lawatan ini telah di-lakukan di-sepanjang bulan Rejab yang baru lalu. Tujuan-nya ia-lah untok menyampaikan da'wah dengan memberikan kesedaran berugama kapada pesakit2 yang berugama Islam, di-samping memberikan bimbingan dan menghalusi bachaan sembahyang dan lain2 lagi. Dengan yang demikian sa-tiap golongan masharakat Islam di-tanah ayer kita dapat faedah dari usaha yang berkebajikan ini. Kalau orang2 yang sehat mempunyai banyak peluang mengikuti pelajaran2 ugama atau cheramah2 ugama di-masjid2 dan tempat2 awam, maka mereka yang sedang terlantar sakit di-hospital juga tidak di-lupakan. Lawatan di-adakan pada hari Jumaat dan Ahad di-sebelah petang dan telah di-jayakan oleh ramai guru2 ugama lelaki dan perempuan. Pada umum-nya lawatan ini telah berhasil menanamkan semangat ke-Islaman yang kuat kapada para pesakit di-samping meninggikan lagi shi'ar da'wah Islam di-negara kita.




MARI-LAH kita terus menerus meningkatkan rasa takwa kapada Allah Ta'ala dengan sa-benar2 takwa, kita junjong titah perintah-Nya dan kita jauhi segala larangan-Nya. Kita penohi hidup kita dengan usaha2 dan kerja2 yang berfaedah dan berkebajikan yang sentiasa di-redhai Tuhan, dan kita hindarkan hidup yang hanya penoh dengan angan2 dan kosong dari amal kebajikan.

Sesunggoh-nya hidup di-dunia ini tiada lama khas-nya bagi umat manusia di-akhir zaman ini. Rasulullah s.a.w. telah menerangkan bahawa umor kebanyakan umat Baginda ia-lah dalam lingkongan enam pulohan tahun. Yang sa-lebeh-nya itu mungkin ada yang lebeh pendek dan ada juga yang lebeh panjang. Tetapi sepanjang2 umor orang zaman sekarang tidak-lah dapat menchapai umor orang2 zaman silam saperti di-zaman Nabi Noh a.s. yang sampai beribu tahun.

Paling panjang umor orang zaman sekarang hanya dalam lingkongan sa-ratus tiga puloh atau sa-ratus empat pulohan tahun, itu pun dalam beratus juta umat manusia jarang terdapat sampai berpuloh orang.

### PANJANG ANGAN2

Kerana itu-lah di-dalam ugama kita, ada larangan supaya jangan mengikut hawa nafsu dan jangan terlalu panjang angan2. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kira2 bermaksud:

*"Sesunggoh-nya perkara yang paling saya takuti yang akan berlaku kapada kamu ada dua: ia-itu mengikut hawa nafsu dan panjang angan2. Ada pun hawa nafsu itu ada-lah ia menutup dari kebenaran, dan panjang angan2 itu ada-lah ia chinta kapada keduniaan."*

# Dua perkara bahaya yang mengancham kehidupan manusia

Dalam hadith ini Rasulullah s.a.w. menaroh bimbang terhadap umat Baginda akan terjadi-nya dua perkara yang sangat merbahaya ia-itu perbuatan mengikut hawa nafsu dan panjang angan2. Perbuatan mengikut hawa nafsu itu boleh mengelakkan sa-seorang daripada bertindak di-atas kebenaran. Perbuatan mengikut hawa nafsu erti-nya berchakap atau berbuat sesuatu tidak di-dasarkan kapada kehendak ugama yang benar. Mithal-nya kalau ia menafsirkan Kor'an ia tidak berpandu kapada kaedah2 dan tafsir2 ulama' yang muktabar, bahkan ia hentam mengikut fikiran dan kemahuan-nya sendiri semata2. Kalau ia membuat sa-suatu sokongan bagi menaikkan pangkat sa-seorang mithal-nya bukan ia di-rasakan kapada orang yang paling layak dan patut sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh ugama, tetapi hanya berdasarkan kapada sentimen bahawa yang di-sokong itu sa-seorang kawan yang paling rapat dengan-nya sekali pun kurang kelayakan dan kebolehan.

### MENGIKUT NAFSU

Kalau ia di-beri kuasa mithal-nya lalu kuasa itu tidak di-juruskan untok berbuat sa-banyak2 kebajikan yang di-redhai Tuhan, tetapi lebeh banyak di-salah gunakan. Ini-lah beberapa chontoh perbuatan mengikut hawa nafsu yang sangat2 di-takuti terjadi oleh Baginda Rasulullah s.a.w. Bahkan perbuatan mengikut hawa nafsu itu-lah puncha segala kejahatan dan puncha segala kerosakan di-muka bumi ini. Kerana mengikut hawa nafsu-lah orang sanggup merompak, menyamun, merogol, mengachau anak isteri orang, menipu, memeras, menekan satu sama lain, membunoh dan sa-bagai-nya. Dan kerana mengikut hawa nafsu-lah hingga terjadi pertumpahan darah, terjadi peperangan, terjadi perbuatan2 kejam, terjadi penjajahan oleh satu bangsa yang kuat terhadap satu bangsa yang lemah, dan sa-bagai-nya. Demikian-lah apabila hawa nafsu tamak, ingin berkuasa, ingin megah dan sa-bagai-nya tidak di-kawal oleh shariat Allah segala2-nya akan mendatangkan bahaya, kerosakan dan penderitaan di-kalangan manusia.

Ada pun perbuatan panjang angan2 tidak pula kurang bahaya-nya. Kerana panjang angan2 itu menyebabkan hati sa-seorang lebeh chinta kapada dunia. Apabila hati sudah chinta kapada dunia maka pasti-lah ia lalai terhadap Allah. Sebab hati manusia tidak boleh membahagikan chinta kapada Allah dan chinta kapada dunia sa-chara sa-rentak. Erti-nya jika hati manusia itu sudah chinta kapada Allah maka dia tidak akan chinta lagi kapada dunia, dan jika hati-nya sudah chinta kapada dunia maka dia tidak akan chinta lagi kapada Allah.

### CHINTAKAN DUNIA

Orang yang sudah chinta kapada dunia pasti-lah dia tidak hiraukan lagi shariat Allah, yang di-ikut-nya ia-lah suara hati-nya dan kemahuan hawa nafsu-nya. Sebab itu-lah ada sa-bahagian orang di-kalangan umat Islam sendiri apabila hendak di-perkuatkan peratoran2 mengikut kehendak Islam, mithal-nya ada2 sahaja orang yang tiada begitu senang hati, ada2 saja orang yang menentang, dan ada2 saja orang yang mengeloh di-dalam hati, sebab khuatir kepentingan di-dunia-nya akan terjejas dan kebebasan-nya membelakangi ugama akan tersekat, lalu keluar-lah kata2 sinis: "itu haram ini tiada lain melainkan haram." Puncha-nya tiada lain melainkan panjang angan2, dia mahu hidup lebeh lama, dia mahu senang sendiri mengikut hawa nafsu-nya dan dia mahu menekmati kelazatan dunia ini sa-mahu2-nya.

Memang banyak sekali sa-seorang itu menjadi panjang angan2. Antara-nya sa-lain daripada chintakan dunia dan kelazatan-nya, ia-lah kebodohan diri sendiri yang menyebabkan dia tidak menjangka bahawa kematian itu boleh datang dengan tiba2. Di-sini-lah manusia selalu jadi keliru hingga membawa-nya berangan2 ingin hidup beribu tahun. Pada hal sa-bagaimana yang kita terangkan di-awal2 khutbah yang umor manusia di-zaman ini lazim-nya hanya dalam lingkongan enam pulohan tahun, sedangkan yang lebeh-nya itu jarang, dan tidak kurang pula yang lebeh pendek dari enam pulohan itu. Berapa banyak kita dapati orang2 yang sa-malam kita temui bergelak ketawa dengan kita, tiba2 pada hari ini dia telah kembali menemui Tuhan-nya, ada yang di-serang penyakit jantong, ada yang di-serang darah tinggi dan ada pula yang di-timpa kemalangan jalanraya dan sa-bagai-nya.

Kedua2 bahaya yang mengancham itu wajib-lah kita perangi dengan chara melatih diri supaya mensesuaikan kehendak2 nafsu kita dengan kehendak ugama dan jangan-lah kita terlalu panjangkan angan2 sa-hingga kita lalai perbuatan amal ibadat dan kerja2 yang mendatangkan kebajikan baik di-peringkat pekerjaan kita yang rasmi mahu pun yang tidak rasmi. Ingat-lah akan Allah dan takut-lah akan azab-Nya yang di-sediakan bagi orang yang derhaka.

# Ka-arah mendekatkan diri kapada Allah

**Bingkisan minggu ini**

Untok kesejahteraan hidup manusia para ahli sufi sentiasa menunjokkan haluan untok mengenal apa yang berada di-sebalik tabiat dengan ma'rifat yang hakiki (pengetahuan yang penoh keyakinan). Jadi bagaimana pula keadaan sa-rupa ini boleh berlaku?.

Menurut Abu Said, ma'rifat (pengenalan Tuhan) itu boleh berlaku dengan dua chara: Dengan pandangan Allah dan dengan berusaha sa-penoh tenaga.

Ma'rifat merupakan kurnia dari Allah Ta'ala, dan ia juga boleh di-perolehi dengan berusaha dan rajin beribadat. Orang yang menchapai tingkat ini ada-lah orang yang menerima ke-bahagiaan. Jalan menuju ka-tingkat kebahagiaan ini ada-lah sama dengan jalan menuju kapada Allah Ta'ala. Ia bukan-lah suatu jalan yang mudah. Jika matalamat kebahagiaan itu merupakan suatu kemunchak yang bernilai, tentu-lah jalan untok menuju kapada-nya bukan-lah suatu yang senang dan mudah.

Bagaimana chara menuju kapada Allah Ta'ala? Apa jalan-nya?

Bagaimana boleh menuju kapada ma'rifat yang hakiki?

Apa chara-nya yang boleh menyampaikan kita ka-taman2 ma'rifat itu?

Abu Said pernah di-tanya tentang pangkal jalan menuju kapada Allah, maka beliau telah menerangkan; kata-nya:

Mula2 dengan bertaubat. Kemudian beliau sebutkan sharat2 taubat dengan menggariskan chara yang di-tunjok oleh para ahli sufi. Ia ada-lah jalan rohani yang sangat teliti sekali. Sa-seorang yang bertaubat menurut jalan ini akan berpindah dari suatu peringkat ka-peringkat yang lain dalam mendaki maqam taubat (darjat taubat) sa-hingga ia menchapai maqam Muhibbin (orang2 yang di-chintai Allah), Kemudian meningkat lagi ka-maqam Muqarrabin (orang2 yang di-hampirkan Allah kapada zat-Nya yang Maha Mulia).

Apabila sa-seorang itu telah meningkat ka-peringkat ini, neschaya rohani-nya akan menetapkan pandangan pada nekmat2 Allah Ta'ala. Ia pun mula memikirkan untok berbakti dan berbuat baik. Lalu jiwa-nya chenderong berzikir kapada Allah Ta'ala serta meneroka alam malakut kemuliaan Allah Ta'ala dengan penoh pengetahuan mengenai zat-Nya yang Maha Mulia, melintasi taman2 ma'rifat. Kapada Allah jiwa-nya menuju dengan hati yang berdetik2. Ketika itu-lah ia merasa lapang, tenang dan bahagia.

### JALAN MENUJU ALLAH

Berikut kita sebutkan chara2-nya dengan memetik dari kitab Hilyatul Auliya. Berkata Abu Said:

Pertama jalan menuju kapada Allah ia-lah dengan bertaubat. Kemudian beliau menyebut pula sharat2 taubat yang hakiki. Sa-sudah itu orang yang bertaubat itu di-pindahkan:

Dari maqam taubat ka-maqam khauf (takut).

Dari maqam khauf ka-maqam raja' (harap).

Dari maqam raja' ka-maqam Salihin (orang2 saleh).

Dari maqam salihin ka-maqam muridin (murid-murid).

Dari maqam muridin ka-maqam muthi'in (orang2 yang taat).

Dari maqam muthi'in ka-maqam muhibbin (orang2 yang di-kasihi).

Dari maqam muhibbin ka-maqam musytaqin (orang2 yang rindu).

Dari maqam musytaqin ka-maqam auliya (para wali);

Dari maqam auliya ka-maqam muqarrabin (orang2 yang di-dekatkan Allah di-samping-Nya).

Para ahli sufi telah menentukan bagi tiap2 maqam ada sa-puloh sharat, yang harus di-ambil berat dan di-sempurnakan. Apabila hati telah menerima dan menetap pada kedudokan ini, maka ketika itu-lah baru ia menetapkan pandangan pada nekmat2 Allah Ta'ala serta memikirkan untok berbakti dan berbuat baik.

Sa-terus-nya, baru-lah jiwa akan chenderong untok berzikir kapada Allah, manakala rohani pula akan meneroka alam malakut kemuliaan Allah Ta'ala dengan sa-penoh pengetahuan dengan Zat-Nya yang Maha Mulia, sedang ia menuju pula ka-taman2 ma'rifat dengan penoh minat dan perhatian, dan dengan hati yang berdetik2 serta di-iringi oleh kechintaan yang meluap-luap.

Bukan-kah ada sa-orang pen-dita pernah bermadah:

*Aku meraikan kegelapan malam untok menyebut-Nya penoh mesra*
*ku pun rindu kapda-Nya tidak terasa bersabar lama*
*akan tetapi sentiasa gembira ria dan berchita-chita*
*untok mengetuk pintu Tuhan Maha Agong Maha Mulia.*

### HAMPIR KPD TUHAN

Keadaan para auliya itu sentiasa hampir kapada Tuhan, tidak pernah berjauhan daripada-Nya. Mereka memperoleh kedudokan yang tinggi di-sisi-Nya, tidak pernah menurun. Hati mereka di-selubongi chahaya, sa-hingga mereka begitu hampir kapada Tuhan pemilek shorga Aden. Di-situ-lah kelak mereka akan menetap, sa-hingga mereka terfana kapada Tuhan yang mereka sembah, dan merasa mulia dan bahagia dengan zat Tuhan yang mana dengan-nya mereka merasa puas dan chukop.

Di-situ-lah mereka akan menetap tidak beralih-alih lagi. Di-situ-lah mereka akan menetap tinggal dan tidak akan berpindah2 lagi. Mereka itu-lah yang di-katakan para auliya Amilun, dan mereka-lah orang2 yang suchi yang di-dekatkan Allah kapada zat-Nya.

Ka-mana sahaja mereka menuju dari maqam dekat, mereka sentiasa dalam keadaan aman sentosa. Dan di-mana sahaja di-tempatkan mereka tinggal, sa-bagai keadaan aman sentosa. Dan di-mana sahaja di-tempatkan mereka tinggal, sebagai balasan terhadap amalan yang mereka kerjakan. Maka itu-lah chontoh amalan yang di-haruskan semua hamba Allah mengamalkan.

Apabila sa-seorang itu telah tiba ka-taman2 ma'rifat, maka ada-kah mungkin ia mengajarkan sa-suatu yang bertentangan dengan shari'at ?

Ada-kah kebatinan yang di-namakan dengan ma'rifat yang di-chapai oleh sa-seorang hamba Allah itu bertentangan dengan ilmu zahir ?

Ada-kah hakikat itu bertentangan dengan shariat ?

Abu Said memberikan jawaban-nya yang bertentangan kata-nya: Sa-tiap kebatinan yang bertentangan dengan yang zahir ada-lah batil, yakni tertolak.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9hb Jun, 1982 hingga ka-hari Selasa 15hb Jun, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.48 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 10hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.48 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 11hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 12hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 13hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 14hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 15hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Dalam mendidek anak2 kampong menchegah dan menghadapi bahaya kebakaran

# *Lebeh 1,000 pendudok2 Kg. Ayer jalani kursus asas chegah kebakaran*



Sa-telah selesai menamatkan kursus singkat menchegah kebakaran, peserta2 di-berikan sijil saperti yang terdapat dalam gambar atas. Majlis ini berlangsong di-Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda.

Oleh: Jaafar Ibrahim

**Langkah yang di-ambil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Pasokan Bomba Brunei dalam memberikan pelajaran asas kapada pendudok2 di-negeri ini khusus-nya pendudok2 yang tinggal di-sekitar Kampong Ayer di-bidang menchegah kebakaran patut-lah di-berikan penghargaan oleh sa-tiap anggota masharakat di-negeri ini.**

**Kerana inisiatif yang sa-demikian, ia-nya bukan sahaja dapat membentok satu masharakat yang serba tahu dalam hal ehwal menchegah dan menentang kebakaran tetapi telah dapat mengetahui sedikit sa-banyak latar belakang dan pahit maung sa-bagai sa-orang anggota yang di-sifatkan sa-bagai golongan yang sentiasa "bergolak dengan kanchah api" apabila sahaja berlaku kebakaran tanpa mengira yang kechil mahu pun yang besar.**

Menurut perangkaan dari Jabatan Pasokan Bomba Brunei sa-takat ini, jumlah pendudok2 kampong yang telah menjalani kursus sengkat menchegah kebakaran ia-lah lebeh daripada 1,139 orang sejak ia-nya di-jalankan bulan Oktober tahun lepas.

### PERANAN

Rata2 golongan yang mengikuti kursus sa-umpama itu ada-lah terdiri daripada belia yang berumor dalam lingkongan 14 tahun membawa ka-40 tahun. Hal ini menunjokkan kapada kita betapa jenerasi muda kita telah bersedia memikul tanggong-jawab dan peranan masing2 demi untok sama2 berbakti kapada bangsa dan negara khusus-nya masharakat yang sentiasa memerlukan pertolongan.

Jumlah yang di-sebutkan itu juga menampakkan kapada kita yang langkah positif di-ambil oleh Kerajaan itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan yang di-luar dugaan memandangkan yang kursus saperti itu di-sifatkan sa-bagai "payah dan mempunyai banyak kesulitan", tetapi semangat anak2 Brunei yang tidak mahu ketinggalan dalam apa2 jua projek2 Kerajaan menyahutnya dengan penoh keikhlasan demi untok kepentingan bangsa, negara dan masharakat.

"Kursus menchegah kebakaran ini, pada keselurohan-nya telah di-jalankan di-semua mukim2 yang terdapat di-Kampong Ayer chuma ada dua tiga buah kampong sahaja yang belum menjalani-nya, tetapi Insha Allah semua-nya ini dapat di-habiskan," ujar Awang Md. Saat bin Md. Taib, Pegawai Perhubongan Awam, Pasokan Bomba Brunei ketika di-temui oleh pehak Pelita Brunei baru2 ini.

Menurut beliau, peserta2 yang mengikuti kursus tersebut bukan sahaja di-berikan penerangan2 berhubong dengan chara menchegah kebakaran atau pun di-perkenalkan alat2 menchegah kebakaran bahkan kata-nya, mereka di-beri peluang dan kesempatan untok menchuba sendiri chara2 memadamkan api kebakaran yang betul lagi terator. Pendek kata, jelas Awang Md. Saat, sa-tiap peserta kursus di-berikan pelajaran dari segi teori dan amali.

### TUJUAN

Kata-nya, kursus ini di-adakan ada-lah semata-mata bertujuan untok melateh anak2 kampong dalam menggunakan alat2 melawan kebakaran sa-bagai salah satu langkah pertama untok memadamkan sa-suatu kebakaran sa-belum tiba-nya pasokan Bomba.

Di-samping itu, kata-nya lagi, ia-nya juga bertujuan pada memperlihatkan dengan lebeh dekat lagi akan tugas2 dan tanggong-jawab semasa kebakaran dan memberi kesedaran (fire conscious) betapa bahaya-nya menghadapi satu2 kebakaran.

Dengan ada-nya kursus sa-umpama itu, jelas-nya akan dapat membantu pehak Pasokan Bomba dengan chara yang betul dan sistematik dalam memadam satu2 kebakaran yang berlaku.

Ibu Pejabat Pasokan Bomba Brunei di-Bandar Seri Begawan yang terletak dekat Jambatan Edinburgh, merupakan pusat bagi mengendalikan kursus itu yang mana ia-nya di-jalankan selama tiga hari dari jam 5.00 hingga 7.00 petang.

Sa-tiap kampong yang mengikuti kursus sa-umpama itu terpaksa menghadapi tiga ujian ia-itu pertama mereka terlebeh dahulu mendengar penerangan mengenai dengan kebakaran; kedua mereka di-tunjok ajar chara2 menggunakan alat2 pemadam api dan ketiga mereka di-tunjok ajar sa-chara "life practical work".

Walaupun kursus ini merupakan kursus sengkat yang berupa tunjok chara yang terhad akan tetapi ia-nya sedikit sa-banyak telah dapat memberikan pengetahuan dan menambah pengalaman yang muna-faat-nya bukan sahaja bagi diri sa-orang yang mengikuti-nya malah juga bagi kepentingan orang ramai khas-nya mereka2 yang memerlukan pertolongan dan bantuan.

"Awang2 dapat-lah di-istilahkan sa-bagai golongan sukarela yang akan tampil bukan sahaja sekadar membantu anggota2 Bomba dalam hal ehwal memadam dan menchegah kebakaran sahaja, akan tetapi biar-lah jasa bakti semua-nya itu dapat di-gunakan sa-bagai anggota penyelamat yang ber-dasarkan peri kemanusiaan baik dalam apa jua bentok kechemasan atau suka duka di-kampong2 Awang2 khas-nya terhadap negara kita ini amnya, tegas-nya jangan-lah kepentingan diri melebehi kepentingan masharakat dan negara," demikian menurut Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika beruchap di-majlis penyampaian sijil2 kapada pelateh2 pertama yang mengikuti kursus menchegah kebakaran baru2 ini.

### LATEHAN2

"Mereka yang telah selesai menjalani kursus menchegah kebakaran itu di-berikan sijil, topi dan baju yang di-chap dengan perkataan "SUKARELAWAN" di-belakang baju tersebut," tambah Awang Md. Saat.

Ketika di-tanya mengenai dengan mereka yang telah sempurna menjalani kursus asas, beliau menambahkata, bahawa mereka itu akan di-berikan latehan2 yang tertentu di-kampong masing2 mengikut tarikh yang telah di-tetapkan oleh Jabatan Pasokan Bomba Brunei sa-kurang2-nya sa-bulan sekali.

Hal ini di-lakukan, terang beliau ada-lah semata-mata supaya pelajaran yang mereka perolehi semasa kursus itu tidak akan hilang begitu sahaja malahan yang penting pengetahuan mereka itu biar-lah bertambah dan sebati dengan jiwa mereka."



Gambar atas kelihatan anak2 kampong dari Kampong Pandai Besi 'A', yang mengikuti kursus tersebut bersedia untok memadamkan api dengan menggunakan alat 'Fire Extinguisher'.

Guru2 wanita dari Sekolah Persediaan Inggeris Hj. Tarif ada-lah merupakan kumpolan wanita pertama yang menjalani kursus tersebut. Gambar bawah menunjokkan mereka sedang memadamkan api.



## Tamatkan Kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai Penerbangan Diraja Brunei telah pulang ka-tanah ayer sa-telah menjalani kursus sa-lama dua tahun di-Sharikat Pemeliharaan Kapal Terbang Singapura. Mereka ia-lah Ak. Yasmin bin Pg. Hj. Wahab, Awang Mohd. Kasmi bin Mohd. Kassim dan Awang Rahim bin Hj. Bini.

Dalam kursus itu mereka telah mempelajari berbagai-bagai aspek yang meliputi bahagian terpenting pesawat kapal terbang.

Mereka ada-lah anak2 tempatan yang pertama mengikuti kursus yang sa-demikian.

# Persatuan Sains Brunei ingin tingkatkan pelajaran sains

## *Khamis lepas mereka jadi 'host' kapada pelajar2 sains S'pura*

**Oleh: Muhaimin Haji Muhammad**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dipertua Persatuan Sains Brunei, Ak Haji Zaini bin Pengiran Kamaluddin, ketika memberikan taklimat di-Dewan Peringatan Churchill minggu lepas kapada penuntut2 sains dari Singapura berkata yang tujuan persatuan ini di-tubohkan sejak tahun 1978, antara-nya ia-lah meningkatkan pelajaran sains dan teknoloji.

Sa-lain dari itu kata-nya lagi kita berhasrat untok menchapai matalamat tersebut dengan mengadakan aliran melalui mana pandangan guru2 boleh di-salorkan dalam pembelajaran.

Persatuan ini sering juga mengadakan perjumpaan2 bagi mereka yang ada kaitan dengan pendidekan sains dan teknoloji dan mengadakan sharahan2 dan perbinchangan dengan badan saintifik dan industri yang lain.

Dalam pada itu jelas Ak Haji Zaini, persatuan ini telah mengadakan lawatan2, menganjorkan cheramah2 dan bengkel2 kerja. Sejak tahun 1978 tambah-nya lagi persatuan ini telah menganjorkan peraduan projek sains.

Pemegang peraduan projek sains pada tahun ini kata beliau, telah mengadakan lawatan sambil belajar sa-lama sa-minggu ka-Singapura yang mana perbelanjaan-nya di-biayai oleh Sharikat Minyak Shell Brunei.

Turut beruchap di-majlis itu ia-lah ketua rombongan penuntut2 sains Singapura, Awang Tan Chek Sian. Beliau memberitahu yang mereka di-Singapura terpaksa menjimatkan penggunaan tenaga memandangkan Singapura tidak mempunyai kekayaan hasil bumi umpama-nya sumber minyak atau pun 'black gold'.

Lain hal-nya, jelas beliau, dengan Brunei yang ada mengeluarkan penghasilan minyak dan gas chechair asli yang mana dua sumber ini telah menjadi hasil utama negeri ini.

Menurut Awang Tan Chek Sain mereka telah mengetahui banyak penerangan mengenai minyak dan pengetahuan mereka mengenai perusahaan minyak akan lebeh mendalam lagi apabila mereka berada di-Brunei.



GAMBAR menunjokkan Awang Tan Chek Sian yang mengetuai rombongan penuntut2 Singapura, Ak Haji Zaini Yang Dipertua persatuan PPSB, Dk Mariam bte Pengiran Matarsat dan Awang Anthony Chen.



KELIHATAN penuntut2 Singapura dan Brunei ketika sedang mendengar taklimat dan cheramah.

## Pelajar2 Singapura di-sini

BERAKAS. — Sa-ramai 12 orang penuntut aliran sains dari tiga buah sekolah2 menengah di-Republik Singapura telah tiba di-Brunei pada 3hb. Jun, Khamis lepas.

Rombongan tersebut di-ketuai oleh Awang Tan Chek Sian beserta tiga orang pegawai2-nya. Ketibaan mereka di-lapangan terbang telah di-sambut oleh pegawai2 dari Sharikat Minyak Shell Brunei.

Di-sebelah petang pada hari tersebut penuntut2 yang terdiri dari 4 orang wanita dan 8 orang lelaki itu telah di-undang ka-Dewan Peringatan Churchill bagi mengikuti taklimat yang telah di-sampaikan oleh beberapa orang pegawai dari Persatuan Pendidekan Sains Brunei.

Antara-nya uchapan alu2-an telah di-sampaikan oleh presiden persatuan tersebut Ak. Hj. Zaini bin Pengiran Kamaluddin. Turut beruchap di-majlis itu ia-lah ketua rombongan Awang Tan Chek Sian dan sa-terus-nya beliau menyampaikan chenderamata kapada Ak. Haji Zaini.

Menurut Awang Tan Chek Sian tujuan rombongan tersebut mengadakan kunjongan ka-Brunei ia-lah bagi melihat sa-chara dekat mengenai perusahaan minyak dan gas chechair asli, yang mana dua sumber ini menjadi hasil utama ekspot Negeri Brunei. Sa-lain dari itu bagi mempereratkan hubongan penuntut2 Singapura dengan penuntut2 Brunei.

Sa-masa berada di-Brunei rombongan tersebut telah mengadakan lawatan ka-Pusat Perusahaan Minyak di-Seria, Gas Chechair Asli di-Lumut dan Pelantar Minyak Champion. Mereka juga berkunjong ka-rumah panjang di-Mukim Labi.

Sa-belum rombongan itu berlepas pulang ka-Singapura pada 6hb. Jun lepas, penuntut tersebut mengadakan lawatan ka-Pusat Latehan Pertanian Sinaut dan juga ka-Muzium Brunei di-Kota Batu. Rombongan tersebut telah berada di-Brunei sa-lama 4 hari. — MHM.

## *Sambutan Isra' Me'raj anjoran saudara2 baru*

TEMBURONG. — Badan Kebajikan Saudara2 Baru dengan kerjasama Yunit Khas Gerakan Dakwah Islamiah di-sini, akan menganjorkan dua majlis keugamaan bulan ini. Salah satu daripada-nya ia-lah sambutan Isra' Me'raj yang akan di-adakan pada 15hb. Jun, bertempat di-Dewan Ria, Pekan Bangar.

Majlis itu nanti akan di-isikan dengan peraduan2 sharahan dan chara2 menunaikan sembahyang bagi saudara2 baru lelaki dan perempuan. Di-samping itu satu sharahan khas akan di-sampaikan oleh sa-orang Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Majlis kedua ia-lah satu kursus mengenai dengan ibadat puasa. Ia-nya akan di-hadhiri oleh kira2 100 orang saudara2 baru, pegawai2 dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama daerah ini. Kursus sa-hari suntok itu akan di-adakan di-Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan sa-belah petang kursus tersebut akan di-selajorkan dengan majlis do'a arwah.

Kursus yang akan di-kendalikan oleh 10 orang guru ugama itu antara lain bertujuan supaya saudara2 baru akan dapat mengerjakan puasa dengan betul dan di-terima oleh Allah ibadat mereka, menanamkan semangat bertanggong-jawab dalam usaha2 mengembang dan meninggikan ajaran2 ugama Islam di-samping untok mengeratkan silatulrahim di-antara saudara2 baru dengan Pegawai2 dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama. — JAL.

# Shell Brunei di-gesa beri peluang kpd bumiputera

**Oleh: Aisah Piee**

SERIA. — Dalam usianya yang telah menchapai lebeh sa-tengah abad, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad ada-lah di-harapkan telah membawa banyak pembangunan2 yang boleh merubah chorak raayat Brunei, terutama membuka peluang kapada raayat Brunei bagi mengisi semua jawatan di-dalam sharikat itu.

Malang-nya, apa yang di-dapati sekarang, bilangan raayat Brunei sendiri yang mengambil peranan penting sa-bagai pekerja sharikat lebeh2 lagi yang memegang jawatan Pegawai Kanan di-sharikat itu, ada-lah sangat kechil sekali.

Menjelaskan demikian ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Mashuarat Agong Perwakilan Tahun 1982, Kesatuan Sa-Kerja Padang Minyak Brunei pada hari Sabtu, 29hb. Mei lalu, Yang Berhormat Awang Haji Abd. Latif bin Abd. Hamid, Ahli Majlis Mashuarat Negeri menegaskan.

"Sa-patut-nya pada masa ini, sa-bahagian besar pekerja2 dan pembekal2 keperluan Sharikat Minyak Shell Brunei ini sudah di-penohi oleh raayat Brunei jati sendiri. Malang-nya raayat Brunei sendiri yang mengambil peranan penting sa-bagai pekerja sharikat ini sangat kechil bilangan-nya, lebeh2 lagi pegawai2 kanan."

Memang tidak di-nafikan, kata-nya, keuntongan yang besar2an ada-lah menjadi matalamat yang sangat penting di-segi pandangan ahli2 perniagaan dan perusahaan, di-mana dalam mendapatkan keuntongan sa-umpama itu, pekerja2 sharikat hendaklah terdiri dari orang2 yang berpengalaman dan berkebolehan.

Tetapi, Yang Berhormat itu menambah-kata, pehak sharikat itu juga perlu mempunyai sikap timbang rasa terhadap raayat jati di-negara mana perusahaan itu di-kendalikan, agar mereka juga dapat menekmati bersama keuntongan lumayan yang di-perolehi. Dan satu dari chara-nya, jelas-nya, ia-lah dengan memberikan peluang pekerjaan kapada mereka dalam sharikat itu.

"Menurut kebiasaan satiap perusahaan yang sa-demikian mempunyai tanggong-jawab untok melateh raayat negeri itu sendiri, supaya nekmat penghasilan itu dapat di-rasai bersama sa-bagai satu mata pencharian, bukan untok penghasilan perusahaan dan keuntongan yang menjadi matalamat utama, tetapi yang lebeh penting hasil perusahaan itu menjadi sumber mata pencharian kapada pendudok jati negeri ini yang empunya tanah ayer dan isi kandongan di-dalam-nya," jelas Yang Berhormat.

Sesuatu perusahaan, menurut Yang Berhormat itu lagi, memang berkehendakkan orang2 yang berkebolehan sesuai dengan kehendak2 perusahaan, yang mana orang2 sa-umpama itu tidak akan di-perolehi tanpa ada sesuatu latehan atau pimpinan.

"Berlainan-lah jika ada sesuatu usaha yang gigih yang di-jalankan dengan bersunggoh-sunggoh untok memberikan peluang yang sa-luas2-nya kapada raayat negeri ini, sudah tentu pekerja2 yang ada di-perusahaan minyak pada masa ini akan terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri dan tidak saperti yang ada pada hari ini," jelas Awang Haji Abd. Latif.

Sa-lain dari itu, pehak sharikat yang berkenaan juga di-harapkan supaya sentiasa memberikan galakan kapada raayat untok mengambil bahagian dalam perusahaan minyak ini, umpama-nya dalam mengendalikan kontrek2 menyediakan alat2 keperluan dan lain2.

Turut memberikan uchapan di-majlis perasmian mashuarat agong perwakilan itu termasok Yang Dipertua Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei dan wakil sharikat. Penyampaian chenderamata kapada Ahli Jawatankuasa Perwakilan 1981 — 1982 juga telah di-adakan.

# Pengumoman kenaikan pangkat dan pertukaran pegawai2 Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan mengumumkan kenaikan pangkat 75 orang pegawai dari beberapa buah jabatan Kerajaan.

Awang Haji Abd Rahman bin Khatib Abdullah, Penguasa Pelajaran Ugama di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Ugama Kanan ia-itu jawatan dalam Bahagian I. Kenaikan pangkat itu bermula 1hb. Mach, 1982.

Lima orang jurutera, sa-orang dari JKR dan empat dari RTB juga di-naikkan pangkat. Awang Michael Ng Fatt di-naikkan pangkat sa-bagai Jurutera Kerja JKR mulai 1hb Jun, 1981.

Ak Ismail bin Pg. Mohammad, Awang Mirhassan bin Haji Abu Bakar, Aw. Haji Mohd Yusof bin Haji Abd Rahman dan Aw. Lim Sam Lee di-naikkan pangkat sa-bagai Jurutera Pengawas RTB. Kenaikan pangkat ke-empat orang jurutera itu bermula pada 1hb April, 1982.

Aw. Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Said, Pegawai Penyelaras di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Penyelaras Kanan — Pelajaran mulai 1hb Januari, 1982.

Datin Thua Ha Rosanah Johar nee Vu Lee Thu Ha di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Ekonomi Kanan SUK (Yunit Peranchang Ekonomi) mulai 1hb April, 1982.

Empat orang pegawai dari Jabatan Surohanjaya Perkhidmatan Awam juga telah di-naikkan pangkat. Aw. Abd Ghani bin Abu Bakar di-naikkan pangkat sa-bagai Setiausaha Kerja, Aw. Haji Mahmud bin POK Perbendaharaan Diraja (Begawan Pehin Khatib) Dato Setia Aw Haji Ali Husain di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Kerja Kanan, Awg. Sharbini bin Ahmad di-lantek sa-bagai Pegawai Kerja dan Aw. Ismail bin Aw. Haji Apit di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Perangkaan. Kenaikan pangkat bagi Aw. Abd Ghani, Aw. Haji Mahmud dan Aw. Sharbini bermula pada 1hb Jun, 1981 sementara kenaikan pangkat bagi Aw. Ismail bermula 1hb Januari, 1981.

Empat orang Guru Terlateh di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pelajaran. Mereka ia-lah Aw. Misbak bin Haji Yusof, bermula 30hb. September, 1981, Dg. Salbiah bte Haji Mohd. Daud — bermula 12hb Ogos, 1981, Pg. Mohd. Daud bin Pg. Puteh — bermula 21hb Julai, 1981 dan Aw. Suhaini bin Haji Mohd. Hassan — bermula 5hb Nobember, 1981.

Aw. Ibrahim bin Haji Mohd. Tinggal di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Perkembangan Ugama mulai 1hb Mach, 1982; Aw. Haron bin Haji Mohd. Taib di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Penterjemah Juru Bahasa Serentak mulai 1hb Januari, 1982; Aw. Nasir bin Haji Damit di-naikkan pangkat sa-bagai Juru Odit mulai 1hb Febuari, 1982.

Dua orang Pemereksa Kereta — Pengangkutan Darat di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Melesan di-jabatan yang sama. Mereka ia-lah Aw. Haji Abd. Manaf bin Abdullah — bermula 1hb Januari, 1982 dan Aw. Jumat bin Haji Garip — bermula 1hb Ogos, 1981.

Dua orang Guru Tingkatan Khas di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Kesejahteraan. Mereka ia-lah Aw. Haji Abu Naim bin Mohd. Yusof @ Abu Mohd. Yusof dan Aw. Duraman bin Bakar/Abu Bakar @ Masri. Lantekan mereka bermula 1hb April, 1982.

Tiga orang Penyelia Kastam juga telah di-naikkan pangkat. Aw. Haji Abd. Rahman bin Aw. Judin di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Kewangan — Ugama bermula 1hb April, 1982 sementara Aw. Andrew Lai Eng Soon dan Pg. Haji Tajuddin bin Pg. Alim di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Penguasa Kastam. Lantekan kedua2 orang pegawai itu bermula 1hb Januari, 1982.

Aw. Haji Hussin bin Haji Hassan di-naikkan pangkat sa-bagai Penguasa Kanan Pasokan Bomba mulai 1hb. April, 1982; Dy. Salamah bte Handa di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Jururawat mulai 26hb Nobember, 1981; Aw. Abdul Wahab bin Haji Ahmad di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Tingkatan I — Perkhidmatan Diplomatik mulai 1hb Mach, 1982.

Empat orang penterjemah di-naikkan pangkat sa-bagai Penterjemah Kanan. Aw. Alimin bin Kalong — Ugama, Dy. Siti Rabiah bte Haji Abas — AMDB, Ak Baharuddin bin P.M. Yakub/Pg. Ya'akub — RTB. Kenaikan pangkat bagi ketiga orang pegawai ini bermula 1hb April, 1982 dan Ak. Tajuddin bin Pg. Md. Daud — Majlis2 Mashuarat mulai 1hb Jun, 1982.

Ak. Sabtu bin Pg. Haji Mostamam di-naikkan pangkat sa-bagai Juruteknik Pemeliharaan RTB mulai 1hb. Ogos, 1981; Pg. Mohammad bin Pg. Haji Tajuddin di-naikkan pangkat sa-bagai Pengendali Kerja Berwarna — Penchetak mulai 1hb April, 1982; Aw. Amzah bin Paya di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Haiwan Kanan — Pertanian mulai 1hb April, 1982 dan Dy. Sonia bte Abdullah @ Chan Lian Neo @ Josephie di-naikkan pangkat sa-bagai Jururawat Kanan mulai 1hb. Mach, 1982.

Aw. Mat Yusof bin Haji Zaman, Kerani Tingkatan III di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelia Perhubongan di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik mulai 1hb Febuari, 1982.

Lapan orang Teknik — Talikom di-naikkan pangkat sa-bagai Teknik Kanan di-jabatan yang sama. Mereka ia-lah Aw. Hussin bin Matnoor @ Bujang bin Matnoor, Aw. Jumat bin Hassan @ Aw. Jumat bin Hassan @ Aw. Jumat bin Mohd. Hassan, Pg. Sulaiman bin Pg. Ahmad, Aw. Yusof bin Piut @ Mohamed Yusof, Aw. Hassan bin Damit, Aw. Moktar bin Puteh, Aw. Budin bin Munir dan Aw. Bakar bin Mulli. Lantekan bagi pegawai2 ini bermula pada 1hb Mach, 1982.

Aw. Maidin bin Haji Ahmad, Pegawai Pelajaran di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Yunit Peranchang Kajian dan Bimbingan di-jabatan yang sama mulai 1hb Oktober, 1981.

Tujoh orang Penolong Pensharah dan sa-orang Guru Melayu Terlateh Kanan di-naikkan pangkat sa-bagai Pensharah — Pelajaran mulia 1hb Oktober, 1981. Mereka ia-lah Pg. Muhamad bin Pg. Haji Abas, Pg. Samsu bin Pg. Haji Kadar, Pg. Ibrahim bin Pg. Haji Abu Bakar, Dy. Siti Nafsian bte Haji Saman, Aw. Haji Hambali bin Aw. Tengah, Dy. Zaitun bte Taha dan Aw. Haji Abdul Wahid bin Pehin Datu Penglima Haji Abu. Bakar.

Aw. Zaini bin Abd. Hamid Penyusun Latehan Kesenian di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pelajaran mulai 8hb. Julai, 1981, Aw. Soo Phek Chiong @ Thomas Soo di-naikkan pangkat sa-bagai Juruteknik Pemeliharaan RTB mulai 1hb Okotber, 1981, Aw. Abdul Alim bin Haji Othman di-naikkan pangkat sa-bagai Pengajar Kanan — Kebajikan, Belia dan Sokan mulia 1hb Nobember, 1981.

Dua orang Juruteknik Makmal Terlateh di-naikkan pangkat sa-bagai Juruteknik Makmal mulai 1hb Nobember, 1981. Mereka ia-lah Aw. Chok Ning dan Aw. Jaidin bin Haji Murat @ Mat Jidin bin Haji Murat.

Jabatan Perjawatan juga mengumomkan pertukaran jawatan sembilan orang pegawai dari beberapa buah jabatan Kerajaan.

Awang Hussin bin Ahmad di-tukar ka-Jawatan Penyusun Latehan (Penerbitan Ranchangan) RTB mulai 1hb Januari, 1982.

Dy Foo Kui Yang @ Foo Kui Siang sa-bagai Setia Usaha Sulit Jurutulis Majlis Mashuarat (kapada Yang Dipertua Dewan) mulai 1hb Januari, 1982.

Dk Hajijah bte Pg Haji Metarsad di-tukar ka-jabatan Diplomatik sa-bagai Pegawai Penyelidek (Hal Ehwal Negeri) mulai 5hb April, 1982.

Dy Nooraini bte Haji Ahmad Yunos, Setia Usaha Sulit di-Jabatan Perjawatan.

Pg Ibrahim bin PJP Pg Haji Ahmad, Kerani Tingkatan II di-tukar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, mulai 15hb Mach, 1982.

Awg Abdul Latif bin Haji Jerudin, Kerani Tingkatan II, di-tukar ka-Lembaga Bandaran BSB mulai 1hb April, 1982.

Awg. Kassim bin Haji Asmat @ Nayan, Kerani Tingkatan II, di-tukar ka-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik mulai 1hb April, 1982.

Awg. Haji Kassim bin Mudzafar, Tukang Wang di-tukar jawatan-nya sa-bagai Penolong Penguasa Pos mulai 1hb Januari, 1982.

Awg. Mohd Hussein bin Haji Hassan, Kerani Sulit/Jurutaip di-tukar ka-Jabatan Daerah Tutong mulai 1hb April, 1982.

Tiga orang Pegawai Belia dan Sokan di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Kanan Belia dan Sokan. Mereka ia-lah Pg. Suhaimi bin Pg. Wahid, Aw. Ismail bin Apong dan Aw. Haji Md. Yussof @ Haji Md. Yassin bin Bakar. Kenaikan pangkat bagi ketiga2 orang pegawai itu bermula 1hb Oktober, 1981.

Aw. Ramlee bin Mohd. Daud @ Ramli di-naikkan pangkat sa-bagai Merinyu Kanan Bandaran, Aw. Mohd. Yassin bin Haji Manggong @ Mohd. Moksin sa-bagai Penyemak Kanan; Aw. Yussof bin Ladi sa-bagai Penolong Pegawai Penerangan dan Aw. Durahim bin Aw. Hassan @ Aw. Ibrahim sa-bagai Pelukis Tingkatan I — Lembaga Pepereksaan. Kenaikan pangkat bagi pegawai tersebut bermula pada 1hb Oktober, 1981.

Dua orang Kerani Tingkatan III di-Jabatan Pos di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Penguasa Pos. Mereka ia-lah Aw. Haji Tamit bin Haji Manggol @ Haji Mohamed Tamit bin Haji Manggol dan Aw. Lamat bin Haji Ismail @ Dagang bin Mail. Lantekan mereka bermula pada 1hb. Oktober, 1981.

Sa-orang lagi Kerani Tingakatan III, Aw. Abd. Ghani bin Haji Metali di-naikkan sa-bagai Kerani Tingkatan II — Tanah mulai 1hb Jun, 1981.

Aw. Md. Junaidi bin Haji Md. Salleh di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Operesen mulai 1hb Oktober, 1981; Aw. Abdullah bin Aw. Damit @ Qisna'abdillah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Ranchangan Tingkatan I (Bahagian Melayu) RTB mulai 1hb Disember; Aw. Yakob bin Metali sa-bagai Pembantu Kanan Perkembangan Ugama mulai 1hb Nobember, 1981 dan Ak Omar bin Pg. Besar di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pengawas Persatuan2 Belia/Kebajikan mulai 1hb Nobember, 1981.

Dua orang Pengendali Mesin Chetak Offset Pelateh di-naikkan pangakat sa-bagai Pembantu Penchetak — Penchetak Kerajaan mulai 1hb Oktober, 1981. Mereka ia-lah Aw. Mat Daud bin Haji Ahmad dan Ak. Haji Zainal Abidin bin Pg. Haji Ahmad.




## KEMPEN MENCHEGAH KOLERA BAGI KAMPONG2 DAERAH TUTONG 1982

| Tarikh | Nama Kampong | Tempat Berkumpol |
|---|---|---|
| 9hb Jun | Kampong Long Mayan | Awang Kinchai bin Ilan |
| | | Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Sinaut | Balai Raya Kampong Sinaut |
| | Kg Santol (Batu 18, 19, 20) | |
| 10hb Jun | Kg Bukit Panggal | Rumah Ketua Kampong |
| | | Awang Haji Mumin bin Asmat |
| | Kg Luagan Dudok | Balai Raya |
| | Kg Keriam | Balai Raya |
| | Kg Penanjong | Balai Raya |
| | Kg Tanah Burok | |
| | Pekan Tutong | Pejabat Kesihatan Tutong |
| 14hb Jun | Bukit Bendera | Bangunan Lama Pejabat Daerah |
| | Kg Panchor Papan | Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Panchor Dulit | Awang Sabtu bin Wahab |
| | Kg Sengkarai | Balai Raya Kampong Sengkarai |
| | Kg Serambangun | |
| | Kg Kuala Tutong | Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Penabai | Awang Damit bin Kasim |
| 15hb Jun | Kg Tanjong Maya | Balai Raya |
| | Kg Lubok Pulau | Balai Raya |
| | Kg Penapar | Balai Masjid Kampong Penapar |
| | Kg Bukit Udal | Balai Raya |
| | Kg Bukit Beruang | Rumah Ketua Kampong |
| | | Awang Hassan bin Ibrahim |
| 16hb Jun | Kg Ukong | Balai Raya |
| | Kg Tumpuan Telisai | |
| | Kg Keramut | Balai Raya Kampong Telisai |
| | Kg Telamba | |
| | Kg Danau | |
| | Kg Tempuan Ugas | |
| 17hb Jun | Kg Bukit Pasir | Balai Raya Kampong Danau |
| | Kg. Bukit Basong | |
| | Kg. Penyatang | |

### PEMBETULAN

Uchapan Pemangku Pengarah Pelajaran yang telah di-siarkan keluaran 26hb. Mei lepas dalam tajok kechil 'Dasar Sistem Dan Perkembangan Pelajaran' No 2 hendak-lah di-bacha 'untok meninggikan ukoran penggunaan Bahasa Inggeris dalam Sekolah2 rendah dan Menengah di-negeri ini.

## KEMPEN MENCHEGAH KOLERA BAGI SEKOLAH2 DAERAH BELAIT

| Tarikh | Nama Sekolah Di-Lawat |
|---|---|
| 9hb Jun | a) Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait |
| | b) Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait |
| 14hb Jun | a) Sekolah China Chung Hwa, Kuala Belait |
| 15hb Jun | a) Sekolah Misi Saint James's, Kuala Belait |
| | b) SekolahMisi Saint John's, Kuala Belait |
| 16hb Jun | a) Sekolah Misi Saint James's, Kuala Belait |
| | b) Sekolah Misi Saint John's, Kuala Belait |
| 17hb Jun | a) Sckolah Persediaan Inggeris, Sungai Liang. |

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 9hb. hingga 15hb. Jun, 1982

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 9.6.1982 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 9.6.1982 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar. | 9.6.1982 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu A. H. M. Y. Katimahar | *10.6.1982 | Khamis | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | *10.6.1982 | Khamis | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Mulaut | *10.6.1982 | Khamis | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | *10.6.1982 | Khamis | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | *10.6.1982 | Khamis | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | *10.6.1982 | Khamis | 4.00– 5.00 „ |
| Di-Hadapan Rumah Penghulu Mukim Kampong Serasa | 13.6.1982 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama | 13.6.1982 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 13.6.1982 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 14.6.1982 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching | 14.6.1982 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 15.6.1982 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 15.6.1982 | Selasa | 10.30–11.30 „ |

* Sa-bagai ganti lawatan pada hari Sabtu 12hb Jun, 1982 yang di-tiadakan kerana Chuti Hari Jadi Baginda Queen.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## HARI RABU 9HB JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 IN SEARCH OF: "The Magic Of Stonehenge"
5.30 ZORRO: "The Conspiracy" Zorro terpaksa menewaskan kepintar-an Lanun Lucia dan Captain Ramon untok mengambil balek harta yang akan di-hantar ka-Spain.
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.30 THE CLIFTON HOUSE MYSTERY (Final Episode)
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 THE CLIFTON HOUSE MYSTERY sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST: "Reunion" Maggie kurang senang kerana ter-paksa memberseh rumah apabila men-dapat tahu bahawa ibu Chase akan tiba serta merta sa-telah sekian lama tinggal di-France.
7.48 AZAN ISHA
7.52 FALCON CREST — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH ISRA MERAJ: "Ihsan" — Bhg. I
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.00 INI-LAH LAGU-KU
9.30 QUINCY: "Guns Don't Die" Sa-telah dua pembunohan yang tidak berkaitan berlaku dalam beberapa hari ada-lah di-percbayai berpuncha dari sa-puchok pistol. Walau pun orang2 yang di-tudoh sudah tertangkap tetapi pistol itu maseh lagi terlibat dengan beberapa jenayah lain.
10.25 MIDWEEK MOVIE: "Broken Promise" Kesah kaseh sayang dan azam sa-orang anak perempuan belasan tahun yang ingin melihat keluarga-nya hidup de-ngan tidak bercherai berai. Pelakun2: Chris Sarandon, Melissa Michaelsen, George Coe, Mc Kee Anderson, David Haskell, Sondra West, dll.
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 10HB JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 MAGIC PALACE
6.30 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM: "The Spiders" Pt. 2
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BATTLE STAR GALACTICA — "Mission Galactica The Cylon" Attack" — Bhg. 2 (Episod trakhir)
7.52 BATTLE STAR GALACTICA — sambongan
7.48 AZAN NSHA
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH ISRA MERAJ: "Ihsan" — Bhg II
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 THE TWO OF US: "Chicken Marengo"
10.10 TODAY'S FBI: "Deep Cover" Sa-orang ejen FBI yang sudah lama dengan satu tugas "under cover" yang terpaksa di-"sedarkan" dengan kenya-taan yang sebenar-nya.
11.10 JACK NICKLAUS AT HOME OF GOLF.
12.10 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 11HB JUN

**TENGAH HARI**

12.00 LAGU KEBANGSAAN
12.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
12.12 SUSUNAN RANCHANGAN
12.15 TAZKIR
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT
12.50 KHUTBAH

**PETANG**

1.00 HIDAYAT (Ulangan)
1.30 SPACE STARS
1.55 ABC WIDE WORLD OF SPORT
2.45 BIG VALLEY: "The Profit And The Lost"
3.30 DRAMA "Kalau Hendak Seribu Daya" No. 1
3.46 AZAN ASAR
3.49 DRAMA — sambongan
4.00 FILLER
4.15 KUNTUM SENI
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BUBBLES
5.15 SONG BOOK
5.30 BIG BLUE MARBLES
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 ABC CHILDREN INTER-NATIONAL — "The Girl With ESP" Laura Hoffman mendapati diri-nya mempunyai pengamatan luarbiasa (ex-trasensory perception) sa-hinggakan dapat membayangkan akan kehilangan adek lelaki-nya berumor tujoh tahun.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.40 ABC CHILDREN INTER-NATIONAL — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 EIGHT IS ENOUGH: "The Return Of Joe Simons" Kesah kali ini mempaparkan Nicholas sa-bagai sa-orang anak yang paling terkaya sekali di-sekeliling tempat ke-diaman mereka.
7.49 AZAN ISHA
7.53 EIGHT IS ENOUGH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH ISRA MERAJ: "Ihsan" Bhg. III
8.40 PERUSAHAAN BUMIPUTERA: No. 3 (terakhir)
9.10 KUIZ SAMBIL BERPANTUN
9.40 DALLAS (Blackmail)
10.30 KEEP IT IN THE FAMILY (Episod 1) "Downs And Ups." Siri komedi mengenai dua orang anak perempuan belasan tahun yang ingin hidup bersendirian. Apabila sa-buah bilek keluarga di-dapati kosong—me-reka berpindah ka-sana.
11.00 THE NEW TOM JONES SHOW: "Cybill Sherpin"
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 12HB JUN

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.01 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.12 SUSUNAN RANCHANGAN
2.16 ROYAL GALA: "Night Of Knights"
3.46 AZAN ASAR
3.49 TOMORROW'S ENTERTAIN-MENT SPECIAL: "The Red Baron"
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.30 THE BRADY BRIDES: "Cool Hand Phil"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 THE BRADY BRIDES — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS: "Deadly Blessing" Dan Tanna terkejut dari tidor-nya dan mendapati sa-orang perempuan chantek berada di-samping-nya Ba-gaimana cherita selanjut-nya ?
7.49 AZAN ISHA
7.53 VEGAS — sambongan
8.30 CHERAMAH ISRA' MERAJ: "Ihsan" — Bhg. IV
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.00 MARI MEMASAK: Rojak Tauhu Goreng — Resepi-nya ada di-siarkan di-muka lain akhbar ini.
9.30 TAYANGAN FILEM INDONESIA: "Secherah Senyum"
11.00 EUROPEAN CUP FINAL — 1982
1.00 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 13HB JUN

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.16 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 THE COWBOYS: "The Avenger"
2.45 THE JEFFERSONS
3.20 DING MERCADO
3.46 AZAN ASAR
3.50 DING MERCADO — sambongan
3.50 LITTLE KIDS DYNAMITE ALL STAR BAND
4.25 KAP KAP UDANG
4.55 FIRST AID: "Compression Bandage Arrest Bleeding"
5.15 CARRIE'S WAR (Episod 4) Carrie dan Mick menjumpai sa-biji tengkorak yang di-anggap mempunyai sumpahan.
5.40 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 KWIKY KOALA
6.30 MORK AND MINDY
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 MORK AND MINDY — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE LOVE BOAT
7.49 AZAN ISHA
7.53 THE LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 PERADUAN MEMBACHA AYAT2 SUCHI AL-KOR'AN PERENGKAT NEGERI 1982 (Siaran Langsong)
11.00 CHERAMAH KHAS ISRA' MERA "Ihsan" — Bhg. V
11.10 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 14HB JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BUBBLES
5.15 THE ALL NEW PINK PANTHER SHOW
5.35 ANIMALS IN ACTION: "Run For Your Life" (Episod terakhir) Binatang berlari untok menchari ma-kanan atau menyelamatkan diri. Mari-lah kita saksikan bersama bagaimana mereka melakukan-nya.
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE (Siri baru) Ranchangan ini mengesahkan sa-suatu yang tidak mungkin terjadi . . . ka-pada orang2 yang ia-nya terjadi. Ke-jadian2 ini menghibor, menggelikan hati dan kadangkala menaajobkan.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.51 THAT'S INCREDIBLE — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: "Deep In The Hart Dixieland"



SIRI baru "A Whale For The Killing" ber-mula Isnin depan jam 10.10 malam. Kedua-dua bintang kegemaran ramai, Peter Strauss dan Dee Wallace beraksi sa-bagai pasangan suami isteri.

7.49 AZAN ISHA
7.53 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 PERADUAN MEMBACHA AYAT2 SUCHI AL-KOR'AN PERENGKAT NEGERI 1982 (Siaran Langsong)
10.00 CHERAMAH KHAS ISRA' MERAJ
10.10 A WHALE FOR THE KILLING: (Siri baru) Kesah keluarga yang mula-nya bere-hat2 berlayar dalam sailboat mereka apabila menghadapi angin ribut me-nyebabkan mereka terdampar ka-se-buah kampong nelayan. Juga terdam-par ia-lah sa-ekor ikan paus yang ke-mudian menimbulkan krisis di-antara pendudok kampong.
11.10 GEORGE AND MILDRED: "The Mating Game"
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 15HB JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 MR. MOON MAGIC CIRCUS — "Music Mayrem"
5.25 RAINBOW
5.40 HANS CHRISTIAN ANDERSON ANIMATION: The Sherpherdess And The Chimney Sweep.
6.00 BERITA AWAL
6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL — New York City Too Far Away From Tampa Blue.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 FAMILY HOUR FESTIVAL — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CODE RED: Mempaparkan sa-kumpolan lelaki dan wanita yang terpaksa menghadapi api untok menyelamatkan nyawa.
7.53 CODE RED — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH ISRA MERAJ
8.40 ARENA SOKAN
9.25 VIETNAM: "Final Offensive" Kronoloji kejadian2 dari mula-nya serangan kominis hingga kejatohan domino bandar2 Vietnam Selatan.
9.55 MOVIE: "Question of Honor"
11.25 SIARAN TAMAT.

WAH : . . . . begitu concentrate sekali mereka memerhatikan skrip di-tangan ... Ah . . . mereka-lah yang akan bersama awda di-ranchangan SELOKA MERPATI minggu ini. Mungkin awda maseh ingat lagi dengan penyanyi ini ? Mereka ia-lah MALAI NARIMAH SHEIKH OTHMAN dan AMEDUN MD YASSIN. Begitu²lah usaha penyanyi2 kita, masing2 chuba sedaya upaya menghibor peminat2 seni suara. Alat2 Studio yang di-datangkan semua-nya sophisticated belaka, menjadikan quality amat memuaskan. Sebab itu-lah penyanyi2 kita begitu berhati2 menjaga mutu nyanyian mereka ketika rakaman di-jalankan.

Oh . . . ya . . . pada peminat2 ranchangan ini, awda akan mengikuti persembahan mereka ini pada hari Ahad 6hb Jun 1982 jam 2.30 petang, dan sekali lagi pada hari Rabu 9hb Jun 1982 jam 1.30 petang.

...j yang di-siarkan

## ROJAK TAUHU GORENG

...reng di-

...sehkan)

...arut

Chara :

1. Persediaan untok sambal kachang-nya :
   a. Kachang tanah di-goreng tanpa minyak, kemudian di-buang kulit-nya dan di-tumbok atau di-kisar sa-hingga hanchor.
   b. Lada kering di-rendam dan di-giling atau di-kisar.
   c. Bawang puteh di-tumbok halus dan di-champorkan dengan lada tadi.
   d. Di-dalam satu bekas, champorkan lada, bawang puteh, gula melaka, kichap dan chuka. Semua-nya di-gaul rata2.
   e. Kemudian champoran lada tadi di-champorkan kapada kachang yang sudah di-tumbok halus dan di-gaul rata2.
2. Persediaan untok tauhu-nya :
   a. Tauhu di-goreng dengan minyak sahingga masak, lalu di-potong persegi, anggaran yang sederhana besar-nya.
   b. Taugeh di-buang hujong-nya dan di-chelor dengan ayer panas. Kemudian di-toskan.
   c. Timun di-parut atau pun di-rachik halus.
   d. Letakkan tauhu di-dalam pinggan dan di-tutopkan dengan taugeh dan timun, lalu di-tuangkan sambal kachang tadi untok di-hidangkan.

...S

...between ...ends of ...wan and ...8.00 pm ...ce. But ...ill be re... ...progress. ...mar and ...et's, Awg ...Mustapha ...ji Abdul ..., Joyce ...STPRI.



## Radio minggu ini:

# 'Radio duta udara'

Radio siaran-nya bukan sahaja merentas hutan belentara bukit bukau dan menyelinap ka-tempat2 sulit tetapi juga menembusi perbatasan. Ia tidak mengenal apa itu sempadan. Dan ramai orang akan memahami atau membuat kesimpulan ka-atas chorak atau bentok sosial, ekonomi dan politik sa-sebuah negara itu melalui siaran radio-nya. Orang akan lekas mengerti identiti sasebuah negara itu melalui siaran radio-nya, sama ada ia sa-buah negara yang berideologi Islam, sosialis atau kominis. Dengan lain perkataan radio itu membayangkan tingkah laku, budi pekerti, warna2 jiwa dan peribadi sa-sebuah negara.

Kita tidak akan mendengar azan, takbir, selawat dan salam atau bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an dari perkhidmatan radio di-wilayah2 yang bukan Islam kechuali ada kepentingan mereka yang menjadikan Islam itu sa-bagai alat perkakas untok memerangkap atau berudang di-balek batu.

Oleh kerana radio membayangkan peribadi bangsa dari sa-sebuah negara itu maka kita harus menjaga maruah bangsa yang sa-chara tidak langsong di-pamerkan melalui radio yang sifat-nya sa-chara tidak langsong sa-bagai duta udara. Jika ia menyiarkan bachaan Al-Kor'an dari qari2 yang pernah menjadi jagoh di-pertandingan perengkat antarabangsa maka sa-chara otomatis dunia luar akan memandang kita sa-bagai umat yang kuat berpegang dengan ugama. Jika menyiarkan cheramah2 ugama yang di-sampaikan oleh Ustaz Haji Abdul Aziz Junid BA atau MA Al-Azhar, maka gambaran bangsa kita di-luar negeri juga turut terangkat beberapa meter ka-atas, kerana dapat menumpang tuah BA atau MA Al-Azhar itu.

Sa-balek-nya jika kita menyiarkan Azan dari suara yang kurang mengena lagu dan sebutan-nya, janggal bunyi-nya di-chuping telinga maka sa-chara kilat pula dunia luar akan membuat kesimpulan bahawa perkembangan Islam di-Brunei baru pada perengkat alif, ba, ta. Sama-lah juga jika kita sering menyiarkan projek jalan kechil sahaja maka orang akan membuat perhitongan bahawa kita tidak mampu melaksanakan projek2 raksaksa.

Kerana itu radio sangat2 memikirkan maruah atau imej bangsa dari sa-buah negara yang kechil ini supaya jangan terchemar di-pandangan mata luar negeri akibat dari kurang pertimbangan mengisi saloran penyiaran-nya. Ini dapat di-atasi dengan menyingkirkan sikap ambil mudah atau asalkan ada saja.



# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP2 HARI:

PAGI:

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |

TENGAHARI

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) |

MALAM/TENGAHARI

| | |
|---|---|
| 1.30/1.00 | Majallah Brunei, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis) |

PETANG

| | |
|---|---|
| 6.00 | Siri Mukkaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. |

MALAM

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bachaan Al-Kor'an |
| 10.24 | Do'a Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita2 dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengahari | |
| 1.30 tengahari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |
| 8.15 malam | (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban) |
| 9.30 malam | Berita Dunia dari BBC London. |

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

### HARI RABU
9HB JUN

**PAGI:** 7.00 — Panduan Sokan, 7.30 — Sudut Pelita, 8.30—Taman Mekar (S.U.), 9.00 — Permintaan Pagi Rabu, 10.15—Rampaian Joget, 10.30 — Rimba Raya, 10.45 — Riang Ria, 11.00 — Dendang Mansur S., 11.30 — Autograpb Pendengar. **T/HARI:** 1.30 — Seloka Merpati (SU). **PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Chitra Irama, 3.15 — Hiboran Petang, 3.30—Gazal (SU), 4.00—Tinjauan, 4.15—Senandong Budaya, 4.30—Bangsawan Di-Udara (Indera Putera siri ke-dua), 5.00 — Serbanika Hiboran, 5.45 — Rampaian Asli, 6.15 — Bingkisan Hari Ini, 6.25 — Senandong Senja. **MALAM:** 7.00 — Rangkaian Lama dan Baru, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00—Belia Mewakili Zaman-nya, 9.45 — Kenangan Mengusik Jiwa.

### HARI KHAMIS
10HB JUN

**PAGI:** 8.30—Hiboran untok adek2 (SU) 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 —Pilehan Pendengar, 10.15 —Penglipor Lara, 10.30 — Rampaian London, 11.00 — Permintaan Suka Ramai. **T/HARI:** 1.30 — Chitra Wara (SU), **PETANG:** 2.00—Irama Keronchong, 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15—Hiboran Petang, 3.30—Rimba Raya (SU), 3.45—Instrumental Inggeris, 4.00—Sandiwara Radio (SU), 4.30—Majallah Ugama, 5.00 — Lagu2 Berirama Gambus, 5.45 — Lagu2 Nasihat, 6.15 — Irama Dakwab, 6.25—Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Bacbaan Surah Yassin, 7.15 —Lagu2 Asli, 8.30 — Bimbingan Al-Kor'an, 9.00 — Tafsir Al-Kor'an. 9.45 — Hidayat.

### HARI JUMAAT
11HB JUN

**PAGI:** 8.30—Majallah Radio (SU), 9.00—Suara Gambus, 9.30—Tafsir Al-Koran, 10.15 — Soalan Di-Udara, 10.30 — Uji-lah Bahasa Kita, 11.00 — Lagu2 Asli, Zapin dan Gazal, 11.30—Bimbingan Al-Koran (SU). **T/HARI:** 12.00—Lagu2 Dakwah, 12.15—Bachaan Al-Koran, 12.30 — Siaran Langsong Menunaikan Sembahyang Jumaat, 1.15—Lagu2 Nashid, 1.45 —Lagu2 Padang Pasir. **PETANG:** 2.00—Lukisan Masharakat, 2.30 — Gema Keronchong, 3.15—Panduan Sokan, 3.20 — Apa Pendapat Awda/Hiboran, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di-Udara, 4.00—Surat dari London; 4.15—Hiboran, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Peserta2 Pertandingan Akhir Al-Kor'an Bahagian Dewasa Sa-Negeri, 5.45 — Tinjauan (SU), 6.15—Suntingan Khutbah Jumaat, 6.25 —Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan, 8.30 — Hiboran, 9.00 — Majallab Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

### HARI SABTU
12HB JUN

**PAGI:** 8.30—Pelajaran Dewasa Di-udara, (SU), 9.00 — Riang Ria, 10.15 — Varia Periatiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Hiboran Untok Adek2. **T/HARI:** 1.00 — Majallah Radio, 1.30—Lagu2 Dari Filem, 1.45—Muzium Di-Udara. **PETANG:** 2.00—Permintaan Hujong Minggu, 3.15—Apa Pendapat Adwa (SU), 3.30—Cherpen dan Salokan (SU), 4.00—Irama Dangdut (SU), 4.30—Fukas Radio, 5.00—Rangkaian Lama dan Baru, 5.45 — Senandong Senja, 6.15—Lagu2 Asli, 6.25 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.30 — Chitra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di-Udara (SU), 9.45 — Uji-lah Bahasa Kita (SU).

### HARI AHAD
13HB JUN

**PAGI:** 7.00—Panduan Sokan, 7.45—Intisari, 8.30 — Majallah Radio (SU), 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Suara Kugiran, 10.15 — Titian Budaya, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00— Irama Dangdut, 11.30—Dunia Wanita. **T/HARI:** 12.00 — Tahniah dan Uchap Selamat, 12.30 — Hiboran untok awda, 1.00 Permintaan Sukaramai. **PETANG:** 2.00 — Hiboran (SU), 2.30—Seloka Merpati, 3.10 — Panduan Sokan, 3.20—Irama Gembira, 4.00—Chitra Wara,, 4.30—Tetamu Radio, 5.00—Senandong Seloka, 5.45—Hiboran Senja, 6.15—Irama Dakwah, 6.25 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Hiboran Ria, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Keronchong (SU), 9.45 — Di-Buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama).

### HARI ISNIN
14HB JUN

**PAGI:** 8.30 — Serbanika Hiboran, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Berdendang Dengan-Ku, 10.30 — Sains dan Perusahaan, 11.00 — Permintaan Sukaramai. **T/HARI:** 1.30 — Senandong Seloka (SU). **PETANG:** 2.00 — Kenangan Mengusik Jiwa (SU), 2.30 — Hiboran, 3.15 — Rampaian Joget, 3.30 — Mari Berpantun, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 5.00 — Pilehan Juruhebah, . 5.45 — Lagu2 Rampaian, 6.15 — Senandong Senja, 6.26 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Senanjong Ria, 7.30 — Majallah Radio, 8.30 — Ku Tujukan Lagu, 9.45 — Langgam Suara.

### HARI SELASA
15HB JUN

**PAGI:** 8.00—Suara Parajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Permintaan Kaum Wanita, 10.15—Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Lagu2 Hiboran, 11.00—Autograph Pendengar (SU), 11.30—Gazal. **T/HARI:** 1.30—Lukisan Masbarakat (SU). **PETANG:** 2.00—Ku Sampaikan Salam, 3.15—Gema Silam, 3.30—Suara Kugiran (SU), 4.00—Gema Keronchong (SU), 4.30 — Belia Mewakili Zaman-nya, 5.00 — Varia Peristiwa 5.15 — Sayu dan Merdu, 5.45 — Senandong Senja, 6.15 — Lagu2 Dakwab, 6.25 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00—Fukas Radio (SU), 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00—Ruangan Ketani (SU), 9.45 — Muzium Di-Udara (SU).

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION FROM 9TH. — 15TH. JUNE 1982

### EVENING

**Wednesday**

MUSIC NIGHT

| | |
|---|---|
| 8.00 | Easy listening music |
| 8.45 | Light orchestra music |
| 9.30 | Classical Music. |

**Thursday**

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.45 | Perspective: Disarmament: Nuclear or Conventional ? |
| 9.00 | Rock Line featuring: Sheena Easton. |
| 9.30 | Story time: The 'Old Wife's Tale' by Neville Teller. Episode 7. |

**Saturday**

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hits In Germany |
| 8.45 | Animal, Vegetable or Mineral (repeat). |
| 9.30 | Top Of The Pops. |

**Monday**

| | |
|---|---|
| 8.00 | This Is My Song (repeat) |
| 8.45 | Up The Belait Without A Paddle. |
| 9.30 | Jazz Music — 1 |

**Tuesday**

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You |
| 9.30 | Stereo Pop Special — "The Crusanders" Part 2. |

### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 7.00 | BBC and Local News |
| 7.15 | Musical Hour |
| 8.15 | Radio Newsreel |
| 11.00 | Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays. |
| 12.00 | Lunch Break until 1.30 — except holidays |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.30 | Radio Newsreel |
| 9.15 | News. |

### HOLIDAYS — Friday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Battle of Words: St. Andrew's vs St. James's (Lower). |
| 11.30 | Children's Half Hour |
| 12.00 | Soundtrack of The Sixties |
| 12.45 | My Music |
| 1.15 | 15-Minute Theatre: "Gas Srortage" by Andrew Lynch. |
| 8.00 | The World of Books |
| 8.45 | International Money Programme |
| 9.00 | Strictly Instrumental — featuring — Louis Clark |
| 9.30 | An Evening with 'Blondie' |

**Sunday**

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Practical World |
| 11.15 | This Is My Song |
| 11.45 | London This Week |
| 12.00 | Animal, Vegetable or Mineral |
| 12.45 | Interlude for Music with Frank Mills. |

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Battle Words 1982: STPRI vs. St. Margaret's |
| 8.15 | English Examined |
| 8.45 | The Brain Machine: The Sick Mind. |
| 9.30 | Drama: "The Nine Tailors" by Dorothy L. Sayers — Lord Peter investigates the Discovery of a body in someone else's grave. |

# Brunei akan sertai lumba perahu Naga di-S'pura

Oleh : Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menyertai perlumbaan perahu Naga Antarabangsa yang akan di-langsongkan di-Republik Singapura mulai dari 17hb. hingga 22hb. Jun depan.

Penyertaan Brunei ka-perlumbaan itu ada-lah merupakan kali yang pertama atas undangan Republik itu sendiri.

Bagi penyertaan itu, persiapan2 telah di-jalankan di-mana pada masa ini sa-jumlah 38 orang pekayoh telah di-pileh untok menjalani latehan2 yang telah berjalan dengan giat-nya. Latehan itu di-adakan empat kali sa-minggu ia-itu berkayoh di-Sungai Brunei dan sekali sa-minggu bagi latehan 'physical fitness' di-Pusat Belia di-sini.

Menurut sa-orang juruchakap dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan baru2 ini, pekayoh2 yang telah di-pileh itu menjalani latehan dengan menggunakan sa-buah perahu Naga, sumbangan Bank Kebangsaan Brunei yang di-datangkan khas dari Singapura.

Perahu tersebut berlainan dengan perahu2 lumba yang di-gunakan di-negeri ini di-mana ia-nya di-perbuat daripada 'fibre glass' dan di-hadapan-nya terdapat sa-buah gong yang di-pukul semasa perlumbaan di-jalankan.

Perahu yang di-datangkan khas dari Singapura itu berukuran 40 kaki panjang dan berat-nya lebeh kurang 1,100 pound dan ia-nya berharga $15,000.00.

Perlumbaan itu di-anjorkan atas kelolaan bersama Lembaga Kemajuan Pelanchongan Negara Singapura, Majlis Sokan Singapura dan Persatuan Raayat Singapura.

Rombongan Brunei yang di-ketuai oleh Pemangku Ketua Pegawai Belia dan Sokan Awang Talib bin Haji Beruddin itu di-jangka akan bertolak ka-Singapura pada hari Khamis 17hb. Jun depan.




Kelihatan dalam gambar pekayoh2 ketika menjalani latehan di-Kuala Sungai Brunei dengan menggunakan perahu Naga yang di-sumbangkan oleh Bank Kebangsaan yang berharga $15,000.00.



Sa-belum mereka menjalani latehan di-laut, mereka terlebeh dahulu menjalani latehan fitness saperti kelihatan dalam gambar.




# Perlawanan gasing sempena Keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-36 tahun, Persatuan Kebajikan Mukim Sengkurong (PKMS) akan menganjorkan perlawanan gasing.

Perlawanan yang di-anjorkan buat kali yang ke-5 itu terbuka penyertaan-nya bagi mukim2, persatuan2, jabatan2 Kerajaan dan firma di-seluroh negeri Brunei.

Sa-tiap mukim, kampong, persatuan, jabatan2 Kerajaan atau firma yang ingin menyertai perlawanan itu hanya di-benarkan dan di-bolehkan menghantar satu pasokan sahaja yang mengandongi 15 orang pemain termasok dua orang simpanan.

Ukuran gasing tidak lebeh dari 30 inchi lilitan dan 26 inchi kechil dari sa-barang jenis kayu yang terdapat di-negeri ini.

Pasokan2 yang ingin menyertai-nya hendak-lah mengisi borang yang di-khaskan dan boleh di-dapati sekarang daripada:

a) Awang Haji Mohd. Tamit bin Haji Mangol, di-Jabatan Perkhidmatan2 Pos, Bandar Seri Begawan, Brunei.

b) Awang Asmat bin Haji Mohd. Salleh, di-Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

c) Awang Haji Untong bin Abdul Rahman, di-Sekolah Melayu Awang Haji Mohd. Yusof, Katimahar, Brunei.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 yang berkenaan tidak lewat dari hari Rabu 30hb. Jun depan.

Ada-lah di-fahamkan bahawa tarikh dan tempat perlawanan perengkat awal di-adakan akan di-umomkan kemudian. Sementara itu, perlawanan akhir bagi pasokan2 yang berjaya akan di-adakan di-gelanggang perlawanan yang di-khaskan di-kawasan di-ibu negeri di-sini.

# Lebeh 5,000 orang sertai 'jogging'

BERAKAS. — Lebeh daripada 5,000 orang di-seluroh negeri telah menyertai achara lari perlahan2 (jogging) anjoran Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-sini pada hari Ahad 30hb. Mei yang lepas.

Jumlah tersebut jika di-bandingkan dengan tahun lalu ada-lah terlalu berbeza dan ia-nya meningkat dua kali ganda di-mana pada tahun lepas sa-jumlah 2,800 orang menyertai-nya.

Achara tersebut bermula dan berakhir di-Padang Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-Jalan Perpindahan Berakas. Antara jalan2 yang di-lalui oleh peserta2 itu termasok-lah Jalan Berakas, Jalan Pancha Delima, Jalan Manggis Dua dan Jalan Madang yang jauh-nya kira2 enam batu.

Achara yang kali kedua-nya di-anjorkan itu di-sertai oleh peserta2 yang mewakili jabatan2 Kerajaan, firma dan sharikat2, sekolah2 menengah dan maktab2, persatuan2 belia dan kebajikan, badan2 berkanun, kampong2 serta orang2 perseorangan.

Dalam bahagian lelaki tempat pertama di-menangi oleh Awang Shawal bin Budin dengan memakan masa 36 minit. Sementara bahagian perempuan di-menangi oleh Dayang Ho Kui Hui dengan menchatetkan masa 55 minit.

Suasana perlumbaan pada hari itu sunggoh menggembirakan di-mana peserta2 kelihatan berjalan sambil berbual-bual di-antara satu dengan lain. Sunggohpun ia-nya di-anjorkan tanpa merebut apa2 hadiah atau piala namun dengan jumlah yang begitu sudah menampakkan kapada kita yang masharakat kita benar2 menchintai sokan.

### TUJUAN

Sa-orang juruchakap dari jabatan tersebut ketika di-temubual oleh pehak Pelita Brunei baru2 ini menjelaskan bahawa tujuan di-adakan achara sa-umpama itu saperti yang di-ketahui ia-lah bagi menarek minat orang ramai untok berkechimpong dalam achara itu yang baru di-perkenalkan kapada masharakat Brunei sejak tahun lepas.

Sa-lain daripada itu, achara sa-umpama itu juga bertujuan untok membentok satu masharakat yang sehat dari segi kesihatan tuboh badan dan menanamkan semangat kesokanan di-kalangan belia2 mahupun beliawanis2 di-tanah ayer kerana kita sedia maalom bahawa 'OTAK YANG CHERGAS DAN SEHAT ITU DATANG-NYA DARI BADAN YANG SEHAT'.

Menyentoh mengenai dengan sambutan orang ramai terhadap achara ini, juruchakap itu menjelaskan bahawa sambutan-nya sunggoh menggalakkan dan memberangsangkan sekali dan beliau berharap supaya di-tahun2 yang akan datang akan lebeh ramai lagi pendudok2 dan raayat di-negeri ini berkechimpong di-achara sa-demikian itu.

Sa-tiap peserta yang menamatkan perjalanan pada hari itu di-berikan sa-helai T-shirt oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan yang telah di-hadiahkan oleh beberapa buah sharikat2 di-negeri ini.



Gambar ini menunjokkan sa-bahagian daripada peserta yang menyertai achara jogging tersebut.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI CHARGEHAND RIGGER DAN JURULETRIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Radio dan Talivishen, Brunei.

1. CHARGEHAND RIGGER

D. 2-3 EB. 4-5—$515-1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah berusia di-bawah 40 tahun, berbadan tegap dan mempunyai kesihatan yang baik.

Mempunyai sekurang2-nya satu tahun pengalaman dalam bidang pekerjaan yang sama dan ini mesti-lah melibatkan kerja yang tetap memanjat tiang2 yang tinggi melebehi 200 kaki.

Kemahiran letrik dan mekenikal ada-lah di-perlukan dan semua chalon2 akan di-berikan ujian praktikal di-sebuah struktur RTB.

Tugas2 :

Mengetahui sa-kumpolan kechil tukang2 panjat tiang aerial di-mana tugas-nya ada-lah untok menjalankan kerja2 membaiki dan memereksa alat2 letrik dan mekenikal di-tempat2 yang tinggi (Tiang2 dan Menara2) di-Pusat2 pemancharan RTB.

Pengawas Tukang Panjat di-kehendaki bertanggong-jawab bagi kerja memanjat di-tempat yang tinggi (250-550 kaki).

2. JURULETRIK:
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-700 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah menchapai sekurang2-nya Tingkatan III, sebaik2-nya Tingkatan V, dengan bukti penchapaian dalam Kursus2 City and Guilds yang berkaitan dan sekurang2-nya satu tahun pengalaman dalam kerja2 letrik. Sebaik2-nya mempunyai pengalaman yang berkaitan sa-lama satu tahun.

Tugas2 :

Mengikut keperluan perkhidmatan, juruletrik2 mungkin di-tugaskan samada bagi tugas pemeliharaan umum di-bangunan RTB atau di-arahkan untok menjalankan tugas2 yang berkaitan dengan perfileman RTB atau operasi2 Siaran Luar atau pun di-Studio mengikut pelan lampu pentas.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1982.

(E/972/82)

(Bil : 168/1982)

## DI-JABATAN RADIO DAN TALIVISHEN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Radio dan Talivishen, Brunei.

1. PENOLONG OPERESEN KANAN:

C. 3-4 EB. 5— $1735-$2580 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Sekurang2-nya tiga tahun sa-bagai Penolong Operesen yang bertugas khusus-nya dalam satu chawangan studio atau kemudahan2 Operesen di-samping kelulusan dalam Pt. 1 dan Pt. 2 SBC Broadcasting Technique Course. (Untok kakitangan Vision Radio dan Audio Bahagian 1 sahaja) ATAU kelulusan dalam Bahagian 1 sahaja di-samping empat tahun pengalaman sa-bagai P. O. Atau pengalaman lima tahun dalam jawatan Penolong Operesen di-samping sokongan yang kuat dari Penyelia2 terdahulu.

Tugas2 :

Biasa-nya kapada Juruteknik Pemeliharaan Kanan atau Jurutera tetapi kemungkinan-nya Pengurus Teknik Operation untok mengawasi 'crew' tersebut, P.O.K. biasa-nya menjalankan tugas2 yang lebeh berat.

Mithal-nya:

Jurukamera Studio Kanan
Telecine/VTR — Ketua Kumpolan
Penyelia Suara Studio
MCR Radio — Ketua Giliran dll.

2. PENOLONG OPERESEN RENDAH:

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah lulus Pepereksaan Sijil Persekolahan dan sebaik2-nya mendapat Ilmu Hisab perengkat biasa. Mesti melihatkan minat di-dalam pergerakan dan perjalanan alat2 penyiaran dan perakaman.

ATAU

Sekurang2-nya sa-lama satu tahun sa-bagai Pelateh Teknik atau pekerja gaji hari tidak termasok masa yang di-habiskan untok pengajian sa-penoh masa. Kechendorongan yang di-boktikan bagi satu atau lebeh kemahiran2 di-mana kekosongan2 terdapat bagi jawatan Penolong Operesen Rendah. Laporan yang memuaskan dari Jurutera Latehan yang di-tugaskan dan Ketua2 bahagian yang berkenaan.

**Tugas2 :**

Tugas2-nya ada-lah amat berbedza sekali mengikut sekshen di-mana ia di-tempatkan. Pada umom-nya Penolong Operesen Rendah akan bekerja di-bawah latehan Operator dalam kerja2 yang memerlukan kombinasi kemahiran tangan, pengetahuan yang mendalam tentang kawalan dengan alat2 dan perkakas yang tertentu dan/atau kombinasi kemahiran2 seni dan tangan.

Chontoh2:

Jurukamera Studio
Penolong Suara
Telecine Operator
Videotape Operator dll.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Jun, 1982.

(E/29/75—Bil: 156/1982)

## Sa-bagai Jurutaip di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan kosong sa-bagai JURUTAIP di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor di-antara 18 tahun hingga 40 tahun.
b) Lulus Tingkatan III dan boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit.

ATAU

c) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan saperti di-(b) tetapi mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai Jurutaip atau Kerani di-Jabatan Askar Melayu Diraja Brunei sekurang2-nya sa-lama tiga tahun boleh juga di-pertimbangkan.
d) Kelayakan Trengkas ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Am-nya :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5 —$ 425-$1290 sa-bulan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Jun, 1982.

(E/103/81—Bil: 150/1982)

### "KITCHEN EQUIPMENT INSTALLATION" UNTOK BANGUNAN TAMBAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

1. TAWARAN2 daripada "Specialist Contractor" ada-lah di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sa-hingga hari Selasa, 15hb Jun, 1982 jam 12.00 tengah hari bagi kerja pemasangan yang tersebut di-bawah : —

"KITCHEN EQUIPMENT INSTALLATION UNTOK BANGUNAN TAMBAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layani.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK "KITCHEN EQUIPMENT INSTALLATION" UNTOK BANGUNAN TAMBAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

4. Dokumen2 tawaran boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari pejabat berikut:—

UNI KONSULT
JURUTERA PERUNDING
No. 202,
Seri Shopping Complex,
Mile 1¼, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan

mulai daripada hari Khamis 3hb Jun, 1982 dalam waktu pejabat.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $500.00 (Lima ratus ringgit sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2. Chagaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bonafide tender).

6. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borong2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

### JABATAN 'ADAT ISTIADAT NEGARA
### TENDER NOTICE

PEMBORONG2 ada-lah di-pelawa untok menghantar tawaran mereka bagi membekalkan Microphone untok Bangunan Lapau, Jabatan 'Adat Istiadat Negara, Brunei.

2. Keterangan2 bilangan dan jenis alat2 yang di-kehendaki ada-lah saperti berikut:—

6 Condenser microphones complete with cardioid capsules, F.E.T. pre-amplifiers capable of phantom-powering from a 48 v D.C. supply.

3 Condenser microphones as above but fitted with short interference tubes (approximately 9 in. in length).

4 4 ft. extension tubes for condenser microphones.

4 1 ft. extension tubes for condenser microphones.

8 Small Table Stands.

8 Medium Floor Stands.

4 Boom Arms for Floor Stands.

4 Condenser lavalier microphones complete with F.E.T. pre-amplifiers.

9 20M microphone cable with Cannon connectors.

3. Pemborong2 yang menghantar tawaran, mereka hendak-lah menyatakan dengan terang jenis alat2 tersebut dan lain2 saperti berikut:—

a) Jenis alat dan buatan.
b) Harga tiap2 satu set (Harga CIF Brunei).
c) Tarikh tiba ka-Brunei.
d) Lama tanggongan dalam pemeliharaan.
e) Lain2 jika ada.

4. Gambar (catalogue) alat2 yang berkenaan hendak-lah di-sertakan bersama dengan surat tawaran.

5. Surat2 tawaran hendak-lah di-kirim kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Brunei tidak lewat pada 14hb Jun, 1982 jam 12.00 tengah hari dengan sampol surat tertutop tanpa membuboh nama pengirim dan hendak-lah membuboh nama di-luar sarong surat itu "MICROPHONE UNTOK BANGUNAN LAPAU".

6. Tawaran yang di-terima lewat dari tarikh yang di-nyatakan di-atas tidak akan di-layan dan Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau sabarang tawaran mengenai-nya.

### TENDER NOTICE

No. 17/1982

ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan up to 4.30 p.m. on Tuesday 15th June, 1982 for the following:—

1. Coupling Assy "TEK 460" — Part No 550 250 2501 — 4 Nos.
2. Torsionally Elastic Member — Part No. 550 250 2101 — 4 Nos.
3. ZB Bearing Housing with Flang — Part No. 551 230 0219KZ — 4 Nos.

Approximatey date of delivery must be stated and all prices quoted on CIF Brunei.

Tenders must be placed in sealed envelope and the cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE — SUPPLY OF MARINE SPARES"

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### KENYATAAN TAWARAN MEMBUAT RUMAH SEMENTARA UNTOK GURU2 UGAMA

TAWARAN2 akan -di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara, Brunei hingga jam 12.00 tengahari pada hari Selasa 15hb. Jun, 1982 bersamaan 20hb Shaaban 1402 untok membena rumah yang tersebut di-atas bagi kawasan yang berikut di-Daerah Tutong:—

a) Sekolah Bukit Beruang; dan
b) Sekolah Bukit Panggal

2. Pengawas Bangunan Jabatan ini Awang Idris bin Kahar boleh-lah di-hubongi di-Bangunan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei tingkat pertama pada bila2 masa waktu pejabat di-buka dan kira-nya penerangan lebeh lanjut ingin di-perolehi mengenai dengan jenis rumah yang akan di-bena dan sa-umpama-nya.

3. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan di-dalam sampul surat yang tertutop dan di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan, Brunei dan sampul surat itu terang menyatakan "TAWARAN PEMBENAAN RUMAH SEMENTARA UNTOK GURU2 UGAMA KAMPONG BUKIT BERUANG DAN BUKIT PANGGAL TUTONG."

4. Wang deposit sa-banyak B$200.00 mengenai perkara ini hendak-lah di-bayar di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan di-Bahagian Kewangan, Tingkat Pertama, Bilek No. 202 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 14hb Jun, 1982 hari Isnin jam 2.30 petang.

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran2 yang paling rendah atau sa-umpama-nya.

## Di-Jabatan Ukor Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan kosong yang berikut di-Jabatan Ukor, Brunei.

1. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT KHAS:

E. 2-3 EB. 4—$470-700 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membacha.
b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sa-bagai Pemandu Tingkat II sekurang2nya sa-lama 5 tahun, dan boleh membaiki sebarang kerosakan jentera motor-sangkut.

2. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT II:

F. 2-3-4 EB. 5 $390-560 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 dan 35 tahun serta boleh menulis dan membacha.
b) Mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor-sangkut sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dan boleh membaiki sebarang kerosakan2 kechil bagi jentera motor-sangkut.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Jun, 1982.

(E/2394/81—Bil: 162/1982)

# JAWATAN2 KOSONG DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN BRUNEI

## PEMBANTU TEKNIK KANAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai PEMBANTU TEKNIK KANAN di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai Higher National Diploma dari Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau City and Guilds Final Certificate dalam mata-pelajaran2 yang berkenaan atau mempunyai kelulusan yang di-iktiraf sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu lebeh daripada lapangan2 berikut:—
Kejuruteraan Awam; Bangunan; Ukor Kuantiti; Parit dan Taliayer; Rekabentok Struktor dan pengalaman membuat kerja2 luar berhubong dengan Pemeliharaan Lapangan Terbang dan Ujian Bahan. Pengetahuan dalam kerja2 ukor mengukor "levelling" ada-lah merupakan satu kelebehan.

ATAU

c) Pegawai2 yang sedang berkhidmat yang tidak mempunyai kelayakan tersebut di-atas tetapi telah memegang jawatan Pembantu Teknik tidak kurang 5 tahun dan mempunyai kebolehan yang istimewa dalam melaksanakan tugas2 mereka akan juga di-pertimbangkan.

**Sharat2 Lantekan :**

Selain daripada gaji, bonus tahunan juga di-bayar. Faedah2 termasok-lah baksis pada kadar 25%, tambang perchuma, elaun pelajaran, chuti bergaji, bantuan perumanan dan pinjaman wang (tidak berfaedah) untok membeli kereta. Chalon2 yang berjaya akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah atas persetujuan. Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutop : 10hb Julai, 1982.

(E/190/78)

(Bil : 175/1982)

## Attendan Kesihatan Pelabohan

pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai ATENDAN KESIHATAN PELABOHAN di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Tangga Gaji :**

F. 2-3-4-5 EB. 6 — $390-$620 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

b) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 25 tahun.

**Tugas2 :**

a) Memereksa sijil kesihatan penumpang2 yang datang dan memberikan chungkilan prophylactic apabila di-kehendaki.

b) Menjalankan pengawasa kesihatan di-beberapa tempat pemereksaan semasa kejadian penyakit berjangkit di-negeri2 jiran.

c) Mesti-lah bersedia untok berkhidmat di-sebarang pelabohan dalam negeri Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1982.

(E/224/80)

(Bil: 158/1982)

## Sa-bagai Pomen Pembuat Kapal

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai POMEN PEMBUAT KAPAL di-Askar Melayu Diraja Brunei.

D. 4 EB. 5 — $980-1290 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor antara 25 hingga 45 tahun.

b) Mempunyai Sijil Perengkat terakhir City and Guilds dalam bidang membuat kapal.

ATAU

Mempunyai pengalaman praktikal dari segenap segi dalam bidang membuat kapal sekurang2-nya 5 tahun.

c) Mempunyai pengalaman untok mengawas pekerja2 pertukangan sekurang2-nya 2 tahun.

d) Chalon2 yang mempunyai pengetahuan mengenai dengan "Fibre Glass" ada-lah di-utamakan.

**Sharat2 Lantekan :**

Selain daripada gaji, bonus tahunan juga di-bayar. Faedah2 termasok-lah baksis pada kadar 25%, tambang perchuma, elaun pelajaran, chuti bergaji, bantuan perumahan dan pinjaman wang (tidak berfaedah) untok membeli kereta. Chalon2 yang berjaya akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutop: 26hb Jun, 1982.

(E/1713/77)

(Bil: 167/1982)

## Penjaga Rumah Persinggahan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENJAGA RUMAH PERSINGGAHAN di-Pejabat Daerah Tutong.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon hendak-lah sa-orang lelaki berumor di-antara 20 hingga 30 tahun.

b) Sekurang2-nya lulus Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya.

c) Pernah bekerja di-Rumah2 Persinggahan sekurang2-nya selama 2 tahun dan mempunyai budi bichara baik yang bersopan melayan orang ramai ada-lah satu kelebehan.

**Tangga Gaji :**

F. 1-2 EB. 3 — $350-$470 sa-bulan.

**Tugas2 :**

a) Mengemas dan mengator kelengkapan yang ada di-bilek2.

b) Menjaga keselamatan dan kebersehan dalam dan luar rumah termasok tanaman2 bunga dan lain2 yang berkaitan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Jun, 1982.

## Sa-bagai Pereka di-Jabatan Radio Talivishen, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEREKA di-Jabatan Radio dan Talivishen, Brunei.

C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Diploma in Art and Design atau National Diploma atau College Diploma dalam Hiasan Dalam atau Rekabentok Talivishen.

**Tugas2 :**

a) Mengatorkan set rekabentok untok penerbitan2 TV.

b) Melukis Pelan2 Pentas.

c) Melukis Pelan2 Pembenaan, lengkap dengan butir2 elevations dan structural.

d) Melukis rajah2 untok penerbitan2 TV.

e) Menolong dan memberi tugas kapada Penolong2 Pereka dalam rekabentok set bila di-perlukan.

f) Menentukan skim warna untok set2.

g) Mereka dan menolong menchipta "special electronil effects" untok penerbitan2 TV.

h) Memberi nasehat kapada penerbit2 akan keperluan2 set bila di-perlukan.

i) Mengawas selesai-nya set2 di-studio atau di-lokasi.

j) Bekerja dengan erat bersama2 dengan pekerja2 yunit2 pembenaan, pementasan dan teknikal.

k) Menolong dan mengawas kerja tukang2 chat berkaitan dengan keperluan2 mengechat dalam set2 yang tertentu.

l) Menilai dan menghadapkan perbelanjaan bahan2 untok set yang tertentu melalui Ketua Rekabentok.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1982.

(E/552/77) — (176/1982)

## Sa-bagai Khatib di-Masjid Setia Ali

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah, untok di-lantek sa-bagai KHATIB (bagi Masjid Setia Ali) di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan masjid yang berkenaan.

**Tangga Gaji :**

D. 2-3 EB. 4 — $515-$1175 sa-bulan.

ATAU

D. 4-5 EB. 6 — $980-$1410 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak kurang dari 20 tahun.

b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.

c) Hendak-lah tahu dan mahir dalam membacha Al-Kor'an.

d) Hendak-lah mahir dalam menyempurnakan mayat.

e) Hendak-lah tahu dan mahir dalam bertahlil dan bachaan2 doa.

f) Hendak-lah mengetahui hukum2 khas-nya dalam perkara2 bersuchi sembahyang, zakat dan puasa dengan baik.

h) Hendak-lah tahu hukum2 mengenai dengan nikah kahwin.

i) Hendak-lah pandai berzikir.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 3hb Julai, 1982.

(E/1137/73 — Bil: 180/1982)

## Di-Pasokan AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei.

1. TUKANG CHAT (Laut):
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

Chalon2 hendak-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 mengechat (spray painting) sekurang2-nya sa-lama dua tahun.

2. TRADESMAN
(Tukang Letrik):
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah tamat mengikuti sa-suatu kursus juruletrik yang di-akui di-sa-sebuah sekolah pertukangan. Mempunyai pengalaman menyelenggara dan membaiki alat2 letrik yang di-gunakan di-rumah dan alat2 letrik yang lain.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Jun, 1982.

(E/1296/81)

## Sa-bagai Ketua Jururawat Pengajar

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai KETUA JURURAWAT PENGAJAR di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai Kelulusan Asas dalam bidang Nursing dan pemegang Diploma Pengajar Ketua Jururawat daripada maktab atau universiti yang di-iktiraf.

Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya beberapa tahun pengalaman mengajar di-Sekolah Latehan Jururawat.

Kebolehan bertutor dalam Bahasa Melayu ada-lah merupakan satu kelebehan.

Berumor di-bawah 50 tahun.

**Tugas2 :**

Chalon2 akan membantu lain2 Ketua Pengajar Jururawat untok mengajar penuntut2 dan Jururawat2 Pelateh serta pembantu2 Hospital di-Sekolah Latehan Jururawat.

**Tangga Gaji :**

Gaji permulaan B$1975 sa-bulan dalam tangga gaji M.11 B$1670 1745 1820 1895 1975 EB 2480 2565 2650 2735 2820.

**Sharat2 Lantekan :**

Selain daripada gaji, bonus tahunan juga di-bayar. Faedah2 termasok-lah baksis pada kadar 25%, tambang perchuma, elaun pelajaran, chuti bergaji, bantuan perumahan dan pinjaman wang (tidak berfaedah) untok membeli kereta. Chalon2 yang berjaya akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah atas persetujuan. Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutop : 5hb Julai, 1982.

(E/87/56) Bil: 154/1982)

## Sa-bagai Nadzir Kanan Sekolah Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untok di-lantek sa-bagai NADZIR KANAN SEKOLAH UGAMA di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i) Berumor tidak kurang dari 25 tahun.

ii) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan dan pengalaman berikut:—

a) Nadzir2 Sekolah Ugama yang telah berkhidmat dalam jawatan itu tidak kurang dari 5 tahun.

b) Penolong Pensharah Maktab Perguruan Ugama yang telah berkhidmat dalam jawatan itu tidak kurang dari 10 tahun.

c) Guru2 Ugama Tingkatan Khas atau mana2 pemegang jawatan yang sebanding dengan-nya telah berkhidmat dalam jawatan itu tidak kurang dari 12 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran sekolah.

**Tangga Gaji :**

T: 5 — $2000-$2320 sa-bulan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1982.

(E/781/82)
(Bil: 155/1982)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang tersebut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PENYELENGGARA SETOR TINGKAT I:
D.4 EB 5 — $980 — $1290 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sa-kurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 4 tahun dalam kerja2 Penyelenggara Setor.

c) Pengetahuan mengendalikan setor yang menyimpan bahan2, alat2 kelengkapan dan alat2 ganti kejuruteraan ada-lah merupakan satu kelebehan.

2. PENYELENGGARA SETOR TINGKAT II:

D. 2 EB. 3-4 — $515-$1175 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

b) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi telah berkhidmat sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat III sa-lama 3 tahun akan juga di-pertimbangkan.

3. BUROH/PEMASANG-KAWAT/TUKANG CHAT:

E. 1-2-3 EB. 4—$410-$700 sa-buan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai kebolehan melaksanakan kerja2 tukang chat dan/atau kerja2 pemasangan kawat dan membaiki kerosakan2 letrik yang kechil.

c) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja2 yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja2 yang berkaitan akan juga di-pertimbangkan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Jun, 1982.

(E/570/77 — Bil: 157/1982)

## Di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri daripada raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei.

1. KETUA PEMBANTU TEKNIK :

C. 3-4 EB. 5 — $1735-2580 sa-bulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon mesti-lah berumor 25-40 tahun.
b) Mesti-lah mempunyai Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari sa-sebuah Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.
c) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman dalam salah satu atau lebeh, dari lapangan2 berikut:—
Kerja2 bangunan, Ukor Kuantiti dan Kejuruteraan mekanikal.

**Tugas2 :**

Bertanggong-jawab ka-atas, segala pemeliharaan bangunan, perkakas dan peralatan sokan Jabatan ini.

2. PENOLONG PEGAWAI ASOHAN :

D. 3-4 EB. 5 — $720-$1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 sekurang2-nya lulus Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.
b) Chalon2 mesti-lah mempunyai kebolehan bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan berkesan, serta boleh bertutor dalam satu atau lebeh daripada satu bahasa-loghat.
c) Chalon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam bidang Kebajikan, Belia dan Sokan atau bidang pengajaran.
d) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 akademik saperti di-atas juga akan di-pertimbangkan, jika chalon2 ini berumor tidak kurang dari 25 tahun dan sekurang2-nya mempunyai 7 tahun pengalaman di-bidang kerja2 Kebajikan Masharakat.

**Tugas2 :**

a) Untok2 menyelidiki dan membuat laporan2 sosial yang di-rujok oleh mahkamah dan memberi-nya kapada mahkamah.
b) Mengawas segala pengasohan di-bawah jagaan-nya dan menjaga perkembangan laporan dalam file kes.
c) Bekerja rapat dengan pertubohan2 masharakat tempatan untok kes pemulehan-nya.
d) Membebaskan tugas-nya mengikut dasar dan atoran pejabat dan yang di-tugaskan oleh Undang2 Asohan bagi Orang2 yang membuat kesalahan.
c) Melaksanakan apa2 tugas yang di-arahkan kapada-nya oleh Ketua Pegawai Asohan.

3. PENOLONG WARDEN :

D. 2 EB 3 — $515-$900 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya 3 mata-pelajaran Perengkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.
b) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai kebolehan bertutor lebeh dari satu bahasa/loghat selain daripada Bahasa Melayu.
c) Bagi chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan akademik di-atas juga akan di-pertimbangkan jika mempunyai pengalaman2 di-bidang pengawalan dan pengawasan asrama2 serta aktiviti2-nya.
d) Jawatan ini terbuka kapada pemohon lelaki dan wanita yang berumor di-antara 30-40 tahun.

4. PEGAWAI PENCHEN2 :

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus 4 mata-pelajaran Perengkat Biasa termasok Bahasa Melayu atau kelulusan yang sebanding.
b) Pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan2 Badan Sukarela terutama sekali dalam bidang Kerja2 Kebajikan akan menjadi kelebehan.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1982.

(E/2288/81) (Bil: 169/1982)

## DI-DALAM PERKHIDMATAN K'JAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai JURUKIRA di-dalam perkhidmatan2 Kerajaan.

**Tangga Gaji :**

B. 2 EB. 3 — $1975-$3640 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Kekosongan2 terdapat di-Jabatan2 : —

Perbendaharaan, Kemajuan Kerjasama dan Setor2 dan Perbekalan Negara, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun.
b) Mempunyai kelayakan professional yang di-iktiraf dalam ilmu jurukira dan perakaunan atau yang sebanding dengan-nya.
c) Mempunyai pengalaman/pengetahuan yang tertentu yang akan membolehkan mereka untok melaksanakan apa2 jua tugas2 kira-mengira 'am di-Perbendaharaan, kira2 perdangangan dan perniagaan Swasta atau persendirian di-Pejabat Kemajuan Kerjasama dan atau pengetahuan yang mendalam dalam kira-mengira Kerajaan terutama-nya dalam bidang 'Allocated' dan 'Unallocated Store', kira2 perdagangan, mengawal belanjawan dan setok di-Pejabat Setor2 dan Perbekalan Negara ada-lah merupakan satu kelebehan.
d) Pengetahuan dalam bidang Electronic Data Processing ada-lah merupakan satu kelebehan.
e) Pengetahuan Bahasa Melayu ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

a) **Jabatan Perbendaharaan :**
Pemohon2 akan di-kehendaki melaksanakan apa2 jua tugas kira-mengira 'am di-Perbendaharaan. Mereka mungkin di-kehendaki mengetahui bahagian2 yang tertentu di-Perbendaharaan tanpa banyak penyeliaan.
b) **Jabatan Kemajuan Kerjasama :**
Di-samping bertanggong-jawab kapada Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama mengenai dengan perundangan dan peratoran kira2 dan perakaunan, mereka juga di-perlukan menyusun skim latehan ilmu kira2 dan perakaunan kapada kakitangan Jabatan Kemajuan Kerjasama dan ahli2 serta pekerja2 Sharikat Kerjasama.
c) **Jabatan Setor2 dan Perbekalan Negara**
Chalon2 yang berjaya akan menjalankan tugas2 kira-mengira 'am Kerajaan yang berkaitan dengan 'Allocated' dan 'Unallocated Store', kira2 perdagangan, mengawal perbelanjaan dan setok ada-lah mustahak.

**Sharat2 Lantekan :**

Selain daripada gaji, bonus tahunan juga di-bayar. Faedah2 termasok-lah baksis pada kadar 25%, tambang perchuma, elaun pelajaran, chuti bergaji, bantuan perumahan dan pinjaman wang (tidak berfaedah) untok membeli kereta. Chalon2 yang berjaya akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan. Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh Tutop : 17hb Julai, 1982.

(E/288/63—Bil : 165/1982)

## TAWARAN JABATAN SETOR2 DAN PERBEKALAN2 NEGARA

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-hingga 12.00 tengah hari, hari SELASA 29hb. Jun, 1982 bagi membekalkan barang2 yang tersebut di-bawah untok Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, Brunei.

TENDER NO. 61/82 — Pembekalan Ungalaanised Improved Plough Steel Wire Rope 110/120 Tons Tensile 6/19 Filler Construction with Fibre Core Ordinary Lay to B.S. 302/1968.

TENDER NO. 62/82 — Pembekalan Double Flanged Steel Pipes and Fittings shall comply with the requirements of B.S. 534 and B.S. 3601.

TENDER NO. 63/82 — Pembekalan Plain Ended Steel Pipes and fittings to B.S. 3601-1962.

TENDER NO. 64/82 — Pembekalan Tyres & Tubes.

Butir2 lanjut mengenai sharat2 tawaran boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu2 bekerja.

## WAKIL POS KAMPONG SELAPON DAERAH TEMBURONG

PERMOHONAN ada-lah di-pelawa untok menjadi Wakil Pos bagi Kampong Selapon, Temburong.

2. Kerja2 Wakil Pos yang terutama ia-lah:

a) Menjalankan tugas sa-bagai Wakil Jabatan Perkhidmatan Pos di-kawasan tersebut.

b) Menjual setem2, menerima surat2 berdaftar daripada orang ramai untok di-kirim dan mengeluarkan resit penerimaan bagi pehak Jabatan Perkhidmatan Pos.

c) Mengosongkan mana2 peti surat di-Kampong Selapon dan menyerahkan segala surat2 kapada Pejabat Pos, Bangar untok di-proses sa-kurang2-nya sekali sa-minggu.

d) Mengambil Surat2 biasa dan berdaftar dan lain2 daripada Pejabat Pos, Bangar sa-kurang2-nya sekali sa-minggu untok di-serahkan kapada penerima2-nya di-Kampong Sungai Dali, Sungai Radang, Simbatang, Rubada, Rumah Panjang Lamaking dan Selapon serta kampong2 di-sekitar-nya.

3. Wakil Pos ini akan di-bayar alaon sa-banyak $150.00 sa-bulan.

4. Keterangan yang lanjut boleh di-perolehi daripada Penolong Penguasa Pos Bangar.

5. Permohonan sa-chara bertulis hendak-lah di-hantar dan di-alamatkan kapada Ketua Pos Agong Brunei tidak lewat dari 30 Jun 1982.

## SHORT SERVICE COMMISSIONED OFFICER PILOTS IN THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT offers young men of Brunei a challenging and rewarding career as Short Service Commissioned Officers Pilots in the Regiment. The Regiment is an expanding force and needs young officers to serve as Pilots in the Regiment's Air Wing.

The Regiment is sure you will want to accept this challenge. You should submit your application in writing to the Commander, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp, to reach him not later than Thursday 24th June 1982.

To be eligible, however, you must meet the following requirements :

a. You must be subject of His Highness the Sultan Brunei, belonging to one of the following indigenous groups of the Malay race, namely, Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut and Tutong.
b. If you are of a non-indigenous race, you must profess the Muslim religion, conform to Malay Customs as practiced in the State of Brunei and be a subject of His Highness the Sultan of Brunei by virture of any written law relating to nationality.
c. Applicants should have 'O' level passes in English Language, Mathematic and Physics.
d. Applicants should be single between 17½ and 25 years old by 31 August 1982.
e. Height must be at least 5 feet 1 inch and weight not less than 105 lbs.

If you are accepted as a Potential Short Service Commissioned Officer Pilot you will undergo basic military training at Bolkiah Camp for a period of 6 weeks. On completion of this training, you will be sent to the United Kingdom for courses at The Royal Air Force College, Cranwell. On completion of your course in UK you will be granted a commission in the RBMR.

If you have queries, please direct them to :
Deputy Assistant Adjustant General (DAAG)
Royal Brunei Malay Regiment,
Telephone 31111 Ext 284.

## TENDER NOTICE
### TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
### SUPPLY OF THREE CABLE DRUM TRAILERS

1. TENDERS must be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on 14th June, 1982.
2. Tenders received after the stipulated date and time will be rejected.
3. Tenders are invited for the supply of three cable drum trailers each with a carrying capacity of four tons. Full details may be obtained from Department of Telecoms on payment of $50.00 deposit.
4. Approximate date of delivery must be stated.
5. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope marked:—
TENDERS FOR THREE CABLE DRUM TRAILERS TELECOMMUNICATIONS DEPT BRUNEI.
bearing no indication of the name of the tenderer.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# Lawatan tiga hari Duta Pakistan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Tuan Syed Abid Ali Bilgrami, Duta Pakistan di-Malaysia dan Konsul Agong Pakistan bagi Brunei yang di-temani oleh isteri-nya, akan pulang petang ini sa-telah mengadakan lawatan selama tiga hari ka-Brunei. Beliau tiba pada hari Isnin, 7hb. Jun lepas dan semasa di-Brunei, Tuan Yang Terutama Tuan Syed Abid Ali Bilgrami telah mengadap Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Istana Darul Hana.

Beliau juga telah mengadakan perjumpaan2 dengan Tuan Yang Terutama Awang Arthur Watson, Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Teramat Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Yang Amat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Pemangku Menteri Besar, Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman, Pemangku Setiausaha Kerajaan dan juga beberapa orang pegawai2 kanan kerajaan.

## PEMBETULAN

DALAM keluaran Pelita Brunei 5hb Mei 1982 muka 6 di-bawah tajok kechil 'Amat Penting' para 5 dari bawah bermula dari perkataan "Menurut . . ." hendak-lah di-bacha "salah saorang pekerja Awang Sichang bin Lopat . . ." Sementara perkataan 100 ekar bendang pada ruang 5 para 9 dari atas hendak-lah di-gantikan dengan 60 ekar. Manakala perkataan '3,000 pohon' pada muka 7 ruang satu sebelah atas hendak-lah di-gantikan dengan '300 pohon'.

Mengenai dengan penjualan saperti yang di-sebutkan dalam ayat tersebut Jabatan Pertanian hanya menguruskan dari segi pasaran kapada kedai2 sharikat kerjasama di-seluroh negeri oleh jabatan tersebut mengikut 'grade'-nya.



AWANG Haji Badaruddin (tiga dari kiri) ketika memberikan uchapan di-majlis tersebut.

# 'Pengakap melateh anggota masharakat'

Dari muka 1

bentok ahli2 menjadi warganegara yang berdisiplin dan taat setia kapada Sultan dan negara-nya.

Kedua, Persekutuan tersebut ada-lah yunik dari segi keahlian-nya yang terdiri dari semua perengkat umor dan datang dari berbagai-bagai latar belakang kehidupan. Yang mana perbezaan umor, kedudokan dan sa-bagai-nya tidak menghalang ahli2-nya bergaul mesra dengan saling hormat-menghormati, memberikan pimpinan kapada yang muda serta bersatu hati pada melaksanakan tujuan2-nya.

Dan ketiga, ia-nya ada-lah satu2-nya pergerakan sukarela dalam mana ahli2-nya tidak mempunyai kepentingan sendiri.

Dengan ada-nya sifat2 atau chiri2 sa-umpama itu, YTB itu penoh yakin, pergerakan Pengakap dapat memainkan peranan yang berkesan sa-bagai satu saloran yang effektif pada melateh dan memimpin anggota masharakat terutama jenerasi2 muda.

"Dengan mempunyai keahlian dari semua perengkat umor pergerakan itu beruntong kerana jika di-gunakan dengan sa-baik2-nya dengan mudah pula dapat menyusor masok ka-segenap lapisan masharakat pada membawa perkara2 yang bermunafaat bagi pembangunan masharakat," kata-nya.

Kerana, kata Yang Teramat Berhormat Pehin Isa, jika di-teliti dengan sa-baik2-nya terdapat banyak aktiviti2 yang di-jalankan oleh persekutuan itu yang bertujuan untok menanamkan nilai2 yang positif dan murni baik untok pertumbohan individu mahu pun sa-bagai anggota masharakat.

Berhubong dengan pengiktirafan persekutuan itu sa-bagai ahli penoh Persekutuan Pengakap Sa-Dunia sejak bulan Julai tahun lalu, Yang Teramat Berhormat menyarankan agar persekutuan itu menoleh ka-belakang serta menilai semula sa-jauh mana kejayaan persekutuan itu dalam usaha2-nya untok menchapai hahıat dan chita2-nya.

Dalam pada itu kata YTB, ada-lah mustahak juga bagi persekutuan itu menilai puncha2 kelemahan sekira-nya ada dan berusaha menchari jalan pada membaiki-nya dan yang penting lagi pada menentukan haluan atau strateji dan ranchangan2-nya sesuai dengan status baharu-nya.

"Walau pun persekutuan Pengakap Negeri Brunei telah menjadi ahli penoh sa-buah persatuan antarabangsa yang sa-tentu-nya mempunyai matalamat2 yang tersendiri akan tetapi ini saya kira tidak akan menghalang tuan2 untok menchurahkan khidmat bakti tuan2 pada kepentingan negeri ini serta kebajikan raayat dan pendudok2-nya jua," jelas Yang Teramat Berhormat.

Turut memberikan uchapan ia-lah Naib Yang Dipertua persekutuan itu, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd Daud.

Hadhir sama di-majlis itu termasok-lah Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Ketua PPNB.

## Alu2kan

Dari muka 1

Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan juga berkata, Filipina sangat mengalu2kan Kemerdekaan Negeri Brunei pada tahun hadapan, dan sa-bagai negara jiran tetangga, jelas Yang Berhormat, Filipina juga mengalu2kan kemungkinan Brunei menyertai Pertubohan Negara2 Asia Tenggara, ASEAN.

Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, dalam lawatan-nya itu telah juga mengadakan kunjongan muhibbah terhadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama General Carlos Romulo.

Sa-lepas kunjongan itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan, yang di-temani oleh Pemangku Pengarah Perjawatan Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Malai Haji Ahmad Murad, telah mengunjongi Presiden Fardinan Marcos di-Istana Malacanang.

Kunjongan juga telah di-adakan terhadap Penolong Menteri bagi Hal Ehwal Politik, Yang Berhormat Tuan Pablo Suarez, Pesurohjaya bagi Imigeresen dan Pembuangan Negeri Yang Berhormat Tuan Edmundo Reyes, Penolong Menteri bagi Hal Ehwal Konsular, Yang Berhormat Tuan Nelson Lavina, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Cesar E. A. Virata, Pengarah Lembaga Kemajuan Pekerjaan Seberang Laut dan Menteri Buroh Filipina, Yang Berhormat Tuan Blas Ople. — A.P.

## Pertama kali

Dari muka 1

Brunei pertama kali tahun ini menjemput dua orang hakim dari luar negeri untok menghakimkan peraduan tersebut. Mereka ia-lah Sheikh Tuan Haji Hassan bin Ismail dari Malaysia dan Tuan Syed Sidik bin Syed Ismail dari Singapura. Kedua-dua hakim tersebut ada-lah di-antara qari2 terkenal dan pernah menjadi hakim dalam pertandingan membacha Al-Kor'an perengkat antarabangsa di-Kuala Lumpur.

# 'CHORAK DAN PIMPINAN KERAJAAN KITA SANGAT BERKESAN'

Liputan: Ja'afar Ibrahim
Muhaimin Haji Muhammad

KAMPONG BEBULOH. — Kita selaku raayat dan pendudok di-negeri ini hendak-lah memahami dengan jelas bahawa kita mempunyai Kerajaan yang bukan saja bertanggong-jawab memberikan kemudahan2 yang berpatutan bahkan lebeh dari itu ada-lah juga bertanggong-jawab memimpin negeri dan raayat ka-arah matalamat yang menjamin kepentingan kita yang sa-benar.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menekankan perkara ini semasa beruchap dalam majlis ramah mesra yang di-anjorkan oleh pendudok2 Kampong Bebuloh bertempat di-Sekolah Melayu kampong tersebut di-sini pada hari Jumaat lepas.

Menurut-nya, fahaman yang jelas mengenai fungsi Kerajaan sa-demikian itu sangat penting bagi kita memberikan sumbangan yang lebeh positif kapada perkembangan negeri ini dalam semua bidang.

"Dengan memahami bahawa Kerajaan bukan sahaja sa-bagai pehak di-mana kita meminta dan menuntut berbagai-bagai kemudahan malah sa-bagai pehak yang memimpin negeri dan memberi pimpinan kapada raayat, maka kita di-perchayai lebeh bersikap membena dalam sa-barang perkara yang berhubong dengan kemajuan dan negeri ini," tegas Awang Haji Badaruddin.

Beliau menjelaskan bahawa chorak Kerajaan dan pimpinan negeri ini tidak sa-mesti-nya sama dengan lain2 negeri. Kenyataan bahawa Kerajaan kita bukan Kerajaan yang di-pileh melalui undi dan di-tubohkan atas asas2 kepartian dengan sendiri-nya memberikan chorak yang berlainan daripada sa-barang Kerajaan dan pimpinan sa-chara berparti.

Dalam pada itu, menurut-nya, chorak Kerajaan dan pimpinan saperti yang kita punyai sa-takat ini tidak kurang baik-nya, kalau pun tidak lebeh baik, dari mana2 Kerajaan yang di-pileh dan sa-chara berparti.

"Kenyataan bahawa negeri ini dapat di-bangunkan dan di-majukan, raayat dan pendudok2 dapat menekmati kemajuan dan perkembangan, aman dan sejahtera, ada-lah bokti yang jelas bahawa chorak Kerajaan dan pimpinan negeri ini sangat berkesan dan sesuai dengan kehendak2 kita," jelas Awang Haji Badaruddin.

Salah satu aspek yang sangat berkesan itu, menurut-nya, ia-lah kerana Kerajaan dan segala keupayaan-nya dapat di-letakkan bagi kepentingan semua pehak raayat dan pendudok tanpa mengira kawasan, sebab kita di-negeri ini tidak memandang satu2 kawasan itu sa-chara pandangan kepartian dan sa-bagai-nya.

Dengan yang demikian itu, sambong beliau lagi, raayat dan Kerajaan sama-sama berganding bahu tanpa sa-barang sentimen kepartian.

"Kedudokan ini-lah yang menjadikan kita lebeh menumpukan perhatian kapada membangun dan memelihara kepentingan negeri ini yang kita sa-patut-nya meneruskan sokongan2 dan memberi sumbangan di-dalam-nya," ujar Awang Haji Badaruddin.

Turut memberikan uchapan di-majlis itu termasok-lah, Awang Mohd. Tahir bin Haji Jeluddin selaku Pengerusi majlis, Awang Muda bin Tumang, Ketua Kampong tersebut dan Pegawai2 Penerangan.

Di-majlis itu juga, Pengarah Penerangan telah mendengar masaalah2 yang di-hadapi oleh pendudok2 kampong di-sana.

## Raezah di-tempat pertama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dayang Raezah binte Md. Zain peserta dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai juara dalam pertandingan akhir Bintang Kechil Radio yang telah di-langsongkan di-Dewan Raya RTB dan di-siarkan sa-chara langsong melalui Radio dan Talivishen Brunei di-sini pada malam Ahad lepas.

Dengan kemenangan itu, Dayang Raezah menerima wang tunai $1,000.00, piala rebutan serta piala chendramata.

Pemenang kedua jatoh kapada Dk. Rosdinah bte Pg. Mohiddin dengan memungut 80 peratus dan ketiga di-menangi oleh Erwan Md. Said dengan 79 peratus.

Naib johan menerima hadiah wang tunai $700.00 dan pemenang ketiga $500.00.

Hadiah2 kapada pemenang telah di-sampaikan oleh Dayang Rosnah binte Haji Hasbollah, isteri Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Selamat bin Munap.

## 35 pegawai ikuti kursus P.A.

GADONG. — Sa-ramai 35 orang pegawai Kerajaan termasok pegawai pentadbir akan mengikuti Kursus Perhubongan Awam yang akan di-adakan selama lima hari bermula dari 14hb. hingga 19hb. Jun ini bertempat di-Dewan Persidangan Pusat Tingkatan Enam di-sini.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz akan merasmikan kursus tersebut pada hari Isnin 14hb. Jun mulai jam 9.00 pagi. Sementara penutop rasmi-nya akan di-sempurnakan oleh Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Hj. Kamaluddin bin Pengiran Bendahara Anak Haji Md. Yassin.

Kursus yang julong2 kali-nya di-adakan di-Brunei itu di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Pejabat Setiausaha Kerajaan dengan kelolaan Institiut Akhbar Malaysia (IAM).

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.